

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2024

### FAKULTI PENDIDIKAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

---

**KETUA PTJ :**

SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS

**KETUA UNIT KUALITI :**

NURUL AKMAL BIN MD NASIR

**PENYELARAS :**

SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM

**PENULIS :**

1. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
2. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
3. NURUL AKMAL BIN MD NASIR
4. NURUL AKMAL BIN MD NASIR
5. MUHAMAD FURKAN BIN MAT SALLEH
6. SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS
7. SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan yang cekap, berintegriti dan berwawasan adalah satu tunjang kejayaan sesebuah organisasi. Berpegang kepada visi dan misi serta tagline **EDU Pursuing Excellence**, kepimpinan Fakulti diterajui oleh Profesor Dr. Sharipah Ruzaina Syed Aris sebagai Dekan yang mentadbir fakulti, di bantu oleh bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Bagi menyokong visi dan misi Fakulti Pendidikan untuk menjadi sebuah Fakulti tersohor dan pusat rujukan pembelajaran dan pembelajaran (PdPc) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pendidikan, pengurusan tertinggi fakulti telah membuat perancangan (**Plan**) awal dengan merangka tiga (3) inisiatif projek utama yang dikenali sebagai **EduSTRIKE**, **EduWHIZ**, dan **EduRICH**. Bagi menjayakan tiga (3) inisiatif projek utama yang telah dirangka, pengurusan tertinggi fakulti yang diterajui oleh pejabat kedekanan bermula daripada Dekan kepada timbalan-timbalan dekan dan dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator, Ketua Unit, Penyelaras dan Penolong Pendaftar dan kesemua staf akademik dan pentadbiran. Kesemua warga bermula daripada tampuk kepimpinan sehingga kepada staf sokongan akan dilibatkan dalam **perancangan (plan)** awal iaitu di Bengkel Perancangan Strategik 2023 yang diadakan di Melaka. Sewaktu perancangan dijalankan, pihak pengurusan akan mengenalpasti calon ketua projek dan penyelaras projek yang sesuai bagi mengetuai **pelaksanaan (Do)** projek ini. Setiap projek, akan dipastikan mempunyai jawatankuasa pelaksana dan ahli yang terdiri daripada kesemua Jabatan Akademik, pentadbiran dan sokongan. Fakulti Pendidikan mempunyai sebanyak enam (6) jabatan iaitu Pendidikan, TESL, Pendidikan Seni dan Seni Reka, Sains, Matematik, dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Bagi setiap projek inisiatif ini, pihak pengurusan akan memastikan ia dianggotai oleh kesemua jabatan dan dibantu oleh staf pentadbiran dan sokongan bagi mengoptimalkan kepakaran yang sedia ada dalam Fakulti Pendidikan. Memandangkan terdapat projek-projek ini bertaraf mega dan berimpak, setiap projek ini dipantau rapi secara berkala sebagai proses **pemantauan (Check)**. Setiap ketua projek dan penyelaras akan sentiasa mengemaskini butiran kerja dan pelaksanaan kepada timbalan dekan yang terlibat agar pihak pengurusan agar butiran gerak kerja projek-projek ini akan dapat dikemaskini dan dibincangkan dalam mesyuarat penting fakulti seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF). Sebagai langkah **penambahbaikan (Act)**, pihak pengurusan sentiasa meminta dan menggalakkan kepada kesemua timbalan-timbalan dekan, ketua projek dan penyelaras projek agar sentiasa membuat post-mortem dan maklum balas pelanggan bagi pemantapan projek-projek ini pada masa hadapan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Ekosistem pendidikan abad ke-21 telah direvolusikan dengan lanskap **kemahiran dan kompetensi dalam pengajaran dan pembelajaran**, selaras dengan Kerangka Standard Pengajaran Profesional Global oleh UNESCO pada 2019 dan intipati Education 5.0. Fakulti Pendidikan UiTM mengadaptasi pendekatan **top-down** dan **penyebaran (dissemination)**, dengan mengambil kira indeks prestasi dalam **Perancangan Strategik UiTM** dan keberhasilan graduan menurut Standard Guru Malaysia 2.0. Perancangan sistematik ini, yang merangkumi elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan, diterjemahkan melalui tiga inisiatif utama: **EduSTRIKE**, **EduWHIZ**, dan **EduRICH**, Fakulti Pendidikan **mengaplikasikan Model KOLB (Experiential learning)**, **Model ADAB UiTM**, dan **EDU 5.0** untuk menyokong aspirasi **Global Renowned University 2025 (GRU 2025 UiTM)** (Rujuk **BUKTI 1: Gambar rajah 1**). Pendekatan yang digunakan ini dapat diterjemahkan dalam projek-projek yang telah berjaya dijalankan.

Dalam projek **EduWHIZ**, Fakulti Pendidikan telah mensasarkan untuk **memperkasakan kepakaran** warga Fakulti Pendidikan yang melibatkan pensyarah pakar rujuk di peringkat nasional dan antarabangsa dalam bidang **pengajaran dan pembelajaran, penilaian, perundingan serta penyelidikan**. Impak daripada pendekatan yang telah digunakan, staf-staf akademik **telah dijemput sebagai penceramah dan pakar bidang** bagi berkongsi kepakaran berkaitan pengajaran dan pembelajaran bersama institusi dan masyarakat samada diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Selain itu, staf akademik Fakulti Pendidikan juga telah berjaya mendapat **pengiktirafan sebagai penceramah** mahu pun **penulisan penerbitan** dalam bidang pengajaran dan pembelajaran apabila mendapat beberapa anugerah berkaitan (Rujuk **BUKTI 2: Gambar rajah 2**).

**EduRICH** berfokus kepada memperkayakan pengalaman pembelajaran dan **kepemimpinan pelajar** di peringkat nasional dan antarabangsa. Salah satu inisiatifnya, **program artSMart**, mendedahkan pelajar kepada masyarakat Orang Asli di Kuala Lipis, Pahang. Program ini, yang berlangsung dari November 2023 hingga Januari 2024, melibatkan lebih 400 Orang Asli dan bertujuan meningkatkan kualiti kehidupan komuniti tersebut (Rujuk **Bukti 3: Gambar rajah 3**). Selain itu, Fakulti Pendidikan turut menganjurkan **dua persidangan antarabangsa**: International Conference on Learning and Teaching 2023 (InCULT 2023) yang membincangkan isu-isu utama pendidikan global, dan International Conference on Multidisciplinary Research and Development (ICMRD-2023) yang menekankan kerjasama global dan inovasi kelestarian (Rujuk **Bukti 3: Gambarajah 3**). Fakulti Pendidikan juga menganjurkan program **K-SEMANIS**, seminar STEM yang bertujuan **menyebarkan luas minat murid terhadap sains dan teknologi** (Rujuk **Bukti 4: Gambar rajah 4**).

**EduSTRIKE** pula **mensasarkan kolaborasi peringkat nasional dan antarabangsa** melalui MOU dan MOA bersama industri dan organisasi. Contoh projek yang terlibat adalah MOA dengan Yayasan Maybank untuk melaksanakan **projek pembangunan aplikasi pembelajaran Matematik** untuk Kanak-Kanak pedalaman (MARK). Inisiatif kerjasama ini bertujuan **merapatkan jurang kualiti pembelajaran antara pelajar daripada pelbagai latar belakang** khususnya **murid pedalaman** (Rujuk **Bukti 5: Gambar rajah 5**). Selain itu, terdapat **kerjasama** dengan **Universitas Negeri Semarang (UNNES)** dan **Universitas Yogyakarta** untuk **penyelidikan, pengajaran, dan latihan STEM**, yang merangkumi geran padanan dan pengajaran kolaboratif (Rujuk **Bukti 5: Pautan 2 dan Gambar rajah 6**) bagi meningkatkan pembelajaran STEM pada masa akan datang.

**Ketiga-tiga inisiatif** ini menunjukkan komitmen Fakulti Pendidikan UiTM dalam merealisasikan **aspirasi GRU 2025 UiTM**, dengan menerapkan pendekatan inovatif dan kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat nasional dan antarabangsa. Perancangan yang rapi dan sistematik bermula daripada Perancangan Strategik sehingga kepada jawatankuasa pelaksana dirancang terperinci mengikut kepada kepakaran, kekuatan dan kesesuaian projek staf yang terlibat.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_K01\\_KB02\\_20241\\_EDU\\_1.2\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_K01\\_KB02\\_20242\\_EDU\\_1.2\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_K01\\_KB02\\_20243\\_EDU\\_1.2\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_K01\\_KB02\\_20244\\_EDU\\_1.2\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
5. [F0034\\_K01\\_KB02\\_20245\\_EDU\\_1.2\\_BUKTI\\_5.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan inisiatif program di bawah tunjang **EduWHIZ**, **EduRICH**, dan **EduSTRIKE** dalam pengajaran dan pembelajaran melibatkan pengurusan kepimpinan, staf, pelajar, alumni, komuniti, dan aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan meluas kepada PTJ lain. Semua inisiatif ini berlandaskan **Perancangan Strategik UiTM**. **Bengkel Perancangan Strategik** yang diadakan pada 27 hingga 29 Januari 2023 di Hotel Imperial Heritage, Melaka, telah menjadi platform penting (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 7**).

Pihak pengurusan tertinggi Fakulti Pendidikan mengamalkan dasar **penjajaran strategik (*strategic alignment*)** antara kepimpinan tertinggi dan staf fakulti bagi memastikan penyebaran visi (***vision dissemination***) disampaikan dengan berkesan dan diterapkan di semua peringkat dalam Fakulti. Dalam bengkel ini, projek diagihkan kepada timbalan dekan dan jabatan tertentu berdasarkan fungsi, kepakaran, atau bidang tanggungjawab masing-masing. Setiap projek dipantau oleh setiap timbalan dekan dan diurus selia oleh ketua projek serta penyelar. Pengurusan tertinggi **memantau perkembangan** melalui **pembentangan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** dan mesyuarat penting Fakulti yang lain sekiranya yang diadakan secara berkala (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 8**).

Hasil perbincangan dan pelaksanaan projek juga dikongsi dengan warga Fakulti dan masyarakat luar melalui laman rasmi Fakulti (<https://education.uitm.edu.my/>) dan laman sosial rasmi (Facebook: <https://www.facebook.com/Education.UiTM>) (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 3**). Selain itu, **medium komunikasi maya** seperti “**whatsapp**” dan **email** (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 9**) juga dijadikan sebagai **penyebaran maklumat** dan **arahan kuasa** sekiranya perkara tersebut memerlukan **tindakan segera (*immediate action*)**. Segala maklumat projek seperti artSMart, School Attack, K-SEMANIS 23, International Conference on Learning and Teaching 2023 (InCULT 2023), dan International Conference on Multidisciplinary Research and Development (ICMRD-2023) dikongsi melalui platform ini (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 10**).

**artSMart** merupakan projek komuniti yang melibatkan lebih 400 Orang Asli dari 20 perkampungan di Kuala Lipis, Pahang. Dilaksanakan selama tiga bulan, projek ini menampilkan amalan terbaik dan bahan pembelajaran inovatif melalui kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan dan Institut Pendidikan Guru, Kampus Tunku Ampuan Afzan, Kuala Lipis (**Rujuk BUKTI 1: Pautan 3**).

**School Attack** ialah program **SULAM** yang melibatkan 22 pelajar semester 5, program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Mereka merekabentuk aktiviti pembangunan motor kasar untuk 300 murid Tahun 3 di SK Puncak Alam 3. Program ini merupakan sebahagian daripada penilaian kursus Movement Education yang juga merupakan kursus SULAM (**Rujuk BUKTI 2: Pautan 4 & 5**).

**International Conference on Learning and Teaching 2023 (InCULT 2023)** ialah persidangan antarabangsa bertemakan *Menghubungkan Budaya, Memajukan Teknologi dalam Pendidikan*. Diadakan secara hibrid pada 18-19 Oktober 2023, persidangan ini menghimpunkan komuniti pengamal pendidikan tinggi untuk membina rangkaian penyelidikan yang memajukan teknologi dalam pendidikan tinggi (**Rujuk BUKTI 3: Pautan 6,7,& 8**).

**International Conference on Multidisciplinary Research and Development (ICMRD-2023)** pula diadakan pada 13 hingga 15 September 2023 di UiTM Puncak Alam, dengan kerjasama Tamil Nadu Teachers Education University dan ESN Publications. Persidangan ini menyediakan platform perbincangan komprehensif mengenai penyelidikan pelbagai disiplin (**Rujuk BUKTI 4: Pautan 9**).

Akhir sekali, **K-SEMANIS'23** adalah seminar STEM yang membawa pelajar antarabangsa seperti dari George Mason University, Universitas Negeri Semarang, dan Lourdes College. Seminar ini memperluas penglibatan ke peringkat antarabangsa, menjadikan Fakulti Pendidikan

Utami sebagai tuan rumah yang diarahkan dan berwawasan (Rujuk BUKTI 5, Pautan 10 & 11).

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_K01\\_KB03\\_20241\\_EDU\\_1.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_K01\\_KB03\\_20242\\_EDU\\_1.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_K01\\_KB03\\_20243\\_EDU\\_1.3 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_K01\\_KB03\\_20244\\_EDU\\_1.3 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034\\_K01\\_KB03\\_20245\\_EDU\\_1.3 BUKTI 5.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Fakulti Pendidikan secara konsisten mengaplikasikan konsep **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** untuk memastikan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dalam setiap program yang dijalankan. Proses ini dilaksanakan dalam mesyuarat post-mortem dan mesyuarat fakulti untuk memperbaiki aspek proses, operasi, dan mekanisme.

#### **artSMart**

Sebelum program artSMart dijalankan, analisa dan perbincangan keperluan telah dijalankan melalui mesyuarat bersama pihak yang terlibat seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan guru-guru di sekolah dalam komuniti tersebut bagi **mengenalpasti (check)** keperluan dan pemantauan dalam menjayakan program ini (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 11**). Pemantauan (check) secara terus ke komuniti amat penting bagi **memastikan servis pendidikan yang diberikan dan disampaikan bertepatan** dan memenuhi matlamat program. Projek ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan penglibatan 400 komuniti orang asli di Kuala Lipis.

#### **InCULT2023**

InCULT 2023 menerima sambutan yang amat baik daripada penyertaan penyampai kertas kerja dari China, Indonesia dan Malaysia. **Maklumbalas dihimpunkan** melalui Google Form (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 12**) yang diedarkan secara QR code untuk **tujuan pemantauan perjalanan dan kepuashatian peserta** yang turut serta dalam persidangan ini. Pengisian borang maklum balas amat bermanfaat untuk menambah baik persidangan yg akan dijalankan pada tahun 2025.

#### **School Attack**

School Attack berjaya mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. **Penilaian program** telah dijalankan **secara pemerhatian peserta program**. Pihak penganjur (UiTM) telah mencatat dan melaporkan secara keseluruhan seperti yang dipaparkan di (**BUKTI 3: Gambar rajah 13**). Pihak penganjur berhasrat untuk **mengambil kira maklum balas ini dalam perancangan dan pelaksanaan program-program masa depan**. Seperti aktiviti fizikal yang sesuai untuk dijalankan pelajar sekolah. Pihak UiTM akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan program-program yang dianjurkan berdasarkan pengalaman dan maklum balas yang diterima.

#### **K-Semanis2023**

Selepas K-Semanis2023 dijalankan, satu borang maklum balas telah diedarkan borang maklumbalas K-Semanis2023. Maklum balas yang diterima akan dianalisis untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program. Penambahbaikan yang dicadangkan juga akan dibincangkan dalam mesyuarat *post mortem* untuk memastikan program masa hadapan akan dijalankan dengan lebih baik (**Rujuk Bukti 4: Gambar rajah 14**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_EDU\\_1.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_EDU\\_1.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_EDU\\_1.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20244\\_EDU\\_1.4.1 BUKTI 4.pdf](#)
- 5.



## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah aspek penting dalam pelaksanaan projek di Fakulti Pendidikan. Dalam hal ini, PTJ mengikuti definisi risiko yang telah ditetapkan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 15(a)**). PTJ bertanggungjawab untuk **mengenal pasti**, **menilai**, dan **mengurus** risiko dalam setiap projek.

**artSMart** menghadapi **risiko operasi** dan **projek**. Risiko operasi termasuk ketidakselesaian antara peserta sukarelawan yang tidak saling mengenali, yang boleh menjejaskan kerjasama. Untuk mengurangkan risiko ini, sesi perkenalan diadakan sebelum aktiviti artSMart. Risiko projek pula adalah kurang sambutan dari komuniti orang Asli di Kuala Lipis. Tindakan kawalan termasuk **hebahan** melalui poster yang diedarkan di sekolah orang Asli dan melalui ketua kampung serta kerjasama dengan NGO untuk penyebaran maklumat dan pengumpulan peserta (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 16(b)**).

**InCULT2023** menghadapi **risiko reputasi** dan **operasi**. Kurangnya sambutan dan penyertaan pembentang disebabkan oleh kekurangan **promosi** atau publisiti. Tindakan yang diambil termasuk mempertingkatkan **promosi** melalui platform seperti Facebook, radio UiTM, email, dan YouTube rasmi Fakulti. Kaedah pembentangan hibrid memberi peluang pembentang untuk membentang secara atas talian, yang boleh mengurangkan penyertaan bersemuka. Untuk meningkatkan kualiti interaksi, kaedah pembentangan bersemuka sahaja telah ditetapkan, serta menawarkan peluang **penerbitan** jurnal berimpak tinggi selain daripada IEEE (**Rujuk BUKTI 2: Pautan 12**).

**School Attack** mengalami **risiko operasi** dan **kewangan**. Perubahan takwim aktiviti sekolah menyebabkan kesukaran dalam penyelarasan dan kekurangan penyertaan pelajar. Untuk mengatasi ini, **mesyuarat** awal dengan pihak sekolah diadakan untuk menyelaraskan takwim. Implikasi kewangan pula mengakibatkan pelajar terpaksa mengeluarkan dana sendiri. **Penajaan** dan sumbangan dari syarikat korporat, NGO, dan individu dicari untuk mengatasi masalah ini. Masalah pengangkutan diatasi dengan **perancangan awal** dan **tempahan** kenderaan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 17**).

**K-Semanis 2023** menghadapi **risiko operasi** berkaitan komunikasi dan penglibatan fasilitator. Kurangnya **komunikasi** antara jawatankuasa dan cabaran dalam pemantauan aktiviti menyebabkan gangguan dalam pelaksanaan program. Tindakan penambahbaikan termasuk penyampaian **maklumat** yang jelas, sesi **latihan** bersama fasilitator dan sukarelawan, serta penyediaan **panduan pelaksanaan** yang terperinci (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 18**).

PTJ memastikan setiap risiko yang dikenal pasti dalam projek dan PI dimesyuarat dan dibentangkan dalam **mesyuarat pengurusan** fakulti, dan seterusnya didaftarkan dalam sistem e-RMS (**Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 19**). Ini memastikan **pengurusan risiko** yang efektif untuk kejayaan setiap projek.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_EDU\\_1.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_EDU\\_1.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_EDU\\_1.4.2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_EDU\\_1.4.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20245\\_EDU\\_1.4.2 BUKTI 5.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk memastikan kejayaan projek, beberapa aspek penting perlu ditingkatkan, termasuk komunikasi dan penyediaan, pengurusan jadual dan masa, perancangan kewangan dan logistik, serta aksesibiliti dan lokasi. Peningkatan dalam aspek-aspek ini dapat memastikan keberkesanan dan kepuasan peserta, serta kejayaan keseluruhan projek.

#### artSMart

**Isu yang telah dikenal pasti:**

- a) Pelajar UiTM kurang bersedia dari segi mental untuk menghadapi perjalanan ke kawasan pedalaman dengan jalan raya yang tidak rata.
- b) Pelajar UiTM berasa letih kerana aktiviti dijalankan sehingga malam.

**Tindakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan:**

- a) **Ahli jawatankuasa pensyarah** akan memastikan maklumat terperinci mengenai cabaran yang dihadapi disampaikan kepada pelajar, termasuk dengan **menunjukkan video perjalanan** untuk persediaan mental dan fizikal.
- b) **Ahli jawatankuasa pensyarah** akan memastikan aktiviti intensif hanya diadakan pada siang hari, dengan aktiviti malam berakhir pada pukul 8 malam. (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 20)

#### InCULT2023

**Isu yang telah dikenal pasti:**

- a) Jumlah kertas penuh yang dihantar tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan persidangan.
- b) Daya tarikan kepada konferensi kurang menarik perhatian.

**Tindakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan:**

- a) **Pihak penganjur** akan meningkatkan usaha pemasaran untuk menarik lebih banyak peserta dan pendaftaran, **meningkatkan pendapatan** melalui yuran pendaftaran.
- b) **Mutu persidangan** akan ditingkatkan dengan **mengadakan kolaborasi dengan institusi lain** dan menjemput **penceramah utama yang terkenal**. (Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 21).

#### K-Semanis'23

**Isu yang telah dikenal pasti:**

- a) Program bermula lebih lewat dari yang dijadualkan disebabkan kesulitan mencari dewan DK500.

**Tindakan penambahbaikan yang akan dilaksanakan:**

- a) **Pihak penganjur** akan memaparkan **papan tanda atau sepanduk yang lebih jelas** dari jalan utama atau pintu masuk untuk memudahkan peserta dan pihak terlibat **mencari lokasi dewan dengan lebih cepat**. (Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 22)

Dalam mesyuarat staf dan seawal dalam Bengkel Perancangan Startegik, Dekan dan pemimpin utama fakulti telah menekankan kepentingan penambahbaikan ini dan **berkongsi** langkah-langkah yang telah diambil (Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 23). Penekanan ini memastikan bahawa **semua ahli staf memahami dan melaksanakan tindakan yang diperlukan** untuk memastikan kejayaan projek yang akan datang.

#### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_EDU\\_1.4.3\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_EDU\\_1.4.3\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_EDU\\_1.4.3\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20244\\_EDU\\_1.4.3\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Terdapat tiga program fakulti yang melibatkan kolaborasi nasional dan antarabangsa, iaitu **InCULT2023**, **ICMRD-2023** dan **MARK**. Persidangan InCULT 2023 telah berkolaborasi dengan IEEE yang merupakan organisasi dari Amerika Syarikat yang membantu untuk menerbitkan artikel yang telah dibentangkan dalam INCULT 2023. Dalam InCULT 2023, dapat dilihat pelaksanaan projek ini semakin ditambah baik apabila Fakulti Pendidikan telah menjalin hubungan baik bersama penerbit terkemuka. Jika dibandingkan dengan persidangan InCULT ini pada tahun-tahun yang lepas, penerbitan hanya tertumpu kepada proceeding ISBN dan memakan masa untuk terpilih untuk ke jurnal yang tertentu. Namun, sebagai **langkah penambahbaikan**, pihak pengurusan tertinggi merasakan perlu menyegerakan penerbitan yang berimpak tinggi, makanya pada siri InCULT 2023, Fakulti Pendidikan telah bekerjasama bersama IEEE sebagai rakan penerbitan selain daripada menfokuskan kepada institut pengajian tinggi semata.

Selain itu, hasil daripada perbincangan dan refleksi pengurusan berkaitan perjanjian MOA dan MOU antara pihak Fakulti dan pihak luar, pihak pengurusan merasakan adalah menjadi keperluan untuk **memperkasakan (empowering) aktiviti-aktiviti susulan** selepas pemeteraian perjanjian dimeterai. Oleh demikian, salah satu agenda **EduSTRIKE** adalah untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh itu, pada tahun 2023, **selain membuat perjanjian MOU bersama Tamil Nadu Teachers Education University (TNTEU), Fakulti juga telah berjaya menganjurkan International Conference on Multidisciplinary Research and Development (ICMRD 2023)** dengan kerjasama ESN Publication juga. Ini termasuk juga program MOA bersama Yayasan Maybank apabila aktiviti susulan yang boleh dikategorikan berjaya apabila Fakulti membantu membina aplikasi pembelajaran Matematik bagi pelajar luar bandar. **(Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 24).**

Dengan pengamalan **pembudayaan tadbir urus yang baik** merangkumi **prinsip-prinsip kepimpinan yang beretika dan berkesan**, termasuk amalan kerja yang baik dan akauntabiliti kepada semua merupakan tunjang kepada penambahbaikan keluasan penyebaran ilmu daripada Fakulti Pendidikan. Kerjasama dan **komunikasi (communication)** yang baik juga menjadi tunjang pengintegrasian pelaksanaan projek-projek pada kali ini. Dimulakan dengan **komunikasi dari atas ke bawah (top-down communication)** merujuk kepada aliran maklumat dari peringkat kepimpinan ke barisan kepimpinan dan seterusnya ke semua staf bawahan amat penting supaya setiap warga akan memainkan peranan yang tepat. **Komunikasi luaran (external communication)** yang efektif juga telah memberikan impak yang signifikan apabila kebanyakan projek-projek Fakulti Pendidikan melibatkan organisasi, industri dan komuniti dalam pendidikan. Pihak pengurusan akan sentiasa memastikan perbincangan dan komunikasi yang berkala dengan mengadakan bengkel atau mesyuarat secara bersemuka atau talian perlu dibuat bagi menjayakan projek tersebut **(Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 25 & 26).**

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_K01\\_KB05\\_20241\\_EDU\\_1.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_K01\\_KB05\\_20242\\_EDU\\_1.5 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan 2023** telah dirangka dengan menerapkan sepenuhnya konsep **perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemantauan (Check), dan tindakan penambahbaikan (Act)** bagi memastikan setiap inisiatif dan projek yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan. Perancangan (**Plan**) dimulakan dengan merangka perancangan strategik berdasarkan kepada **UiTM Global Renowned University 2020-2025 (GRU 2020-2025)**, di mana setiap lima tahun, UiTM menggubal Perancangan Strategik yang menjadi panduan kepada pembentukan **Strategic Action Plan (SAP)** Fakulti Pendidikan. Ini selari dengan usaha universiti untuk menjadi institusi yang unggul dan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi, seperti tema **GRU2023, "Marketable."** Sebagai **perancangan tahunan** dalam menjayakan projek-projek dan PI yang telah ditetapkan, bagi tahun 2023, Fakulti Pendidikan telah mengadakan **Bengkel Perancangan Strategik** pada 27 hingga 29 Januari 2023 bertempat di Hotel Imperial Heritage, Melaka. Bengkel ini telah melibatkan kesemua staf Fakulti Pendidikan.

Untuk memastikan perancangan ini **dilaksanakan** dengan berkesan (**Do**), fakulti telah memfokuskan kepada tiga inisiatif utama: **EduSTRIKE, EduRICH, dan EduWHIZ**. **EduSTRIKE** menekankan komitmen berterusan dalam aktiviti pengajaran, pembelajaran, dan perkongsian ilmu pengetahuan. Ini melibatkan pelaksanaan **Projek Berimpak Tinggi** yang memberikan nilai kewangan serta impak kepada masyarakat, komuniti, dan industri. Kepercayaan tinggi terhadap output kualiti pengajaran dan pembelajaran dari pihak industri dan komuniti dibuktikan melalui perjanjian persefahaman seperti MOA dan MOU. **EduRICH**, sebaliknya, memberi tumpuan kepada akses peluang pendidikan melalui konsep pengajaran kontekstual yang berteraskan penyelesaian permasalahan dan solusi kepada isu-isu yang dihadapi oleh komuniti. Ini membuka platform untuk staf dan pelajar menghubungkan teori dan praktis serta meningkatkan kualiti modal insan melalui aktiviti kesukarelawanan. Akhirnya, **EduWHIZ** berlandaskan pengetahuan, kemahiran, dan bakat dalam pendidikan, memfokuskan kepada kajian, penyelidikan, dan perundingan bersama rakan industri, institusi, dan agensi, sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Bagi memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini menepati sasaran yang telah ditetapkan, fakulti melaksanakan proses **pemantauan (Check)** melalui penilaian prestasi setiap tahun, di mana pencapaian **Performance Indicator (PI)** dinilai. Bilangan PI bagi tahun 2023 telah meningkat kepada 71 dengan skor pencapaian mencapai 85.2%. Penambahbaikan dalam pencapaian PI ini dicapai melalui peningkatan pemahaman tentang keperluan setiap PI oleh portfolio di bawah kepimpinan Timbalan Dekan yang membentangkan kemajuan perancangan dan strategi mereka kepada Dekan dalam mesyuarat MPE. Penilaian berkala yang dilakukan oleh **Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU)** memastikan setiap langkah diambil untuk menyesuaikan pelaksanaan projek dengan sasaran yang ditetapkan.

Akhir sekali, fakulti melaksanakan **tindakan (Act)** dengan melakukan penambahbaikan berdasarkan penilaian prestasi yang telah dibuat. Penambahbaikan ini dilakukan untuk memastikan setiap inisiatif, seperti **EduSTRIKE, EduRICH, dan EduWHIZ**, terus relevan dan selaras dengan perubahan persekitaran serta keperluan stakeholders. Laporan berkala yang dikemukakan menjadi asas kepada tindakan penambahbaikan, memastikan fakulti terus berkembang dan mencapai matlamat strategik yang telah ditetapkan. Oleh itu, konsep **PDCA** menjadi kerangka utama dalam menggerakkan perancangan strategik Fakulti Pendidikan, memastikan setiap inisiatif dilaksanakan secara sistematik dan berkesan, seterusnya menyumbang kepada pencapaian Fakulti dan seterusnya visi universiti menjadi institusi terulung dunia.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**Perancangan strategik Fakulti Pendidikan bagi tahun 2021-2025** adalah satu perancangan jangka masa lima (5) tahun yang bertujuan untuk mencapai visi Fakulti Pendidikan, iaitu menjadi fakulti yang tersohor dalam kecemerlangan akademik dan kesarjanaan. Visi ini termasuk melahirkan graduan yang berilmu, berkeperibadian, kreatif, inovatif, dan berkemahiran tinggi, seterusnya memenuhi kriteria standard pendidik di peringkat kebangsaan dan global. Objektif ini adalah sejajar dengan matlamat dan tema **Perancangan Strategik UiTM (2021-2025)**. (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 1(a)).

Semakan dan perkongsian perancangan strategik dibuat secara berkala melalui beberapa platform yang mudah diakses seperti kumpulan WhatsApp, mesyuarat penting Fakulti seperti **Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** dan mesyuarat am, serta melalui Google Drive. Untuk tahun 2023, **Fakulti Pendidikan** telah menyelaraskan pelaksanaan perancangan strategiknya dengan tiga inisiatif projek utama: **EduRICH**, **EduWHIZ**, dan **EduSTRIKE**. Berikut adalah proses pembentukan **Pelan Strategik Fakulti Pendidikan**:

a) **Penganjuran Pra Bengkel dan Bengkel Perancangan Strategik** dilakukan berdasarkan kepada sasaran **Performance Indicator (PI)** yang diturunkan kepada Fakulti pada awal tahun. Semua projek yang dipersetujui didaftarkan ke dalam sistem. (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 1(b)).

b) Setiap projek yang didaftarkan berdasarkan empat portfolio utama telah dibincangkan, dibentang, dan disahkan oleh semua pihak yang terlibat semasa siri mesyuarat dan bengkel **Perancangan Strategik 2023**. (Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 2(a)).

c) **Strategic Action Plan (SAP)** ini merangkumi pembentukan jawatankuasa, ketua projek, dan penyelar bagi setiap projek yang diluluskan. Timbalan Dekan, sebagai peneraju, akan melantik pengurus program untuk membantu pelaksanaan dan pencapaian PI. Jawatankuasa ini akan menilai situasi semasa, mengenal pasti jurang pencapaian, dan mengaplikasikan kaedah pelaksanaan yang sesuai. Keutamaan diberikan berdasarkan keperluan bajet dan risiko semasa penjajaran inisiatif dengan PI yang berkaitan. (Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 2(b)).

d) Kesedaran warga fakulti tentang PI dan pelan strategik ini dikongsi melalui mesyuarat staf, dan butiran projek serta perkembangannya dimuat naik ke laman web Fakulti Pendidikan. Data ini dikongsi selaras dengan jadual pelaporan **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)** yang berlaku secara sukuan tahunan. (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a)).

e) Pengemaskinian dan penyediaan data SAP oleh Timbalan Dekan kemudiannya dibentangkan kepada Dekan dalam Mesyuarat Eksekutif Fakulti (MPE) untuk pemantauan dan kelulusan. Setelah itu, data tersebut akan dimajukan kepada BTU untuk tujuan rekod dan pemantauan. Pendekatan sistematik ini juga digunakan sebagai proses pembelajaran penilaian, termasuk aspek pelaksanaan dan risiko yang dihadapi dalam setiap projek. (Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 3(b) & 3(c)).

f) **Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU)** bertindak sebagai pemantau keseluruhan inisiatif dan melaporkan pencapaian setiap inisiatif ke sistem UePMO. Laporan ringkas disediakan kepada Dekan sebagai persediaan untuk pembentangan laporan PI kepada BTU secara berkala, setiap tiga bulan. (Rujuk BUKTI 4: Jadual 1 & Carta 1).

g) Pencapaian bulanan dikemaskini dalam bentuk data yang mudah difahami oleh warga fakulti mengenai status pencapaian setiap PI. Data ini juga memaparkan tahap pencapaian Fakulti Pendidikan dibandingkan dengan PTJ lain, yang diekstrak oleh PSTU dari **Sistem POWER BI**. Data ini lebih tepat untuk pengukuran sebenar pencapaian Fakulti berbanding PTJ lain di UiTM. Hebahan data ini turut dikongsi dengan warga fakulti mengikut garis masa yang sama dan dipaparkan di laman web Fakulti Pendidikan. (Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 4).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_P01\\_PB02\\_20241\\_EDU\\_2.2\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_P01\\_PB02\\_20242\\_EDU\\_2.2\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_P01\\_PB02\\_20243\\_EDU\\_2.2\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_P01\\_PB02\\_20244\\_EDU\\_2.2\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
5. [F0034\\_P01\\_PB02\\_20245\\_EDU\\_2.2\\_BUKTI\\_5.pdf](#)



## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan PTJ telah melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang dengan teliti untuk memastikan pencapaian bagi bidang tumpuan yang telah dipilih. Setiap **Petunjuk Prestasi (PI)** yang telah diturunkan daripada Perancangan Strategik UiTM digunakan sebagai tanda aras bagi menilai pencapaian sebenar terhadap objektif yang ditetapkan. Dalam konteks ini, **Sasaran Prestasi (SAP)** berfungsi sebagai dokumen penting dalam pemantauan projek, di mana ia bukan sahaja mencerminkan pencapaian PI tetapi turut mengambil kira kos operasi serta risiko yang mungkin dihadapi oleh setiap projek yang dirancang (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 5(a)**).

Untuk memastikan pelaksanaan objektif dan visi Fakulti Pendidikan dalam usaha menjadi pusat penghasilan modal insan pendidik yang unggul bagi negara, **pengurusan Fakulti sentiasa menekankan kepentingan komunikasi yang berkesan**. Maklumat dan perkembangan terkini mengenai setiap projek dan inisiatif strategik disalurkan melalui pelbagai **saluran komunikasi dalaman** seperti email, kumpulan WhatsApp, serta mesyuarat rasmi seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF) (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 5(b) dan 5(c)**). Barisan kepimpinan Fakulti Pendidikan percaya bahawa **peranan setiap individu dalam organisasi adalah kritikal dalam mencapai matlamat strategik**. Kepimpinan tertinggi, termasuk dekan, timbalan dekan, dan ketua program, memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong dan memastikan keberkesanan pelaksanaan PI dan projek-projek yang telah dirancang. Oleh itu, **komunikasi yang efektif antara staf dalaman** adalah kunci kepada kejayaan ini, di mana setiap anggota staf diberi peranan yang jelas dan tanggungjawab yang selaras dengan matlamat organisasi.

Selain itu, **Fakulti Pendidikan juga aktif dalam berkomunikasi secara terbuka dan meluas di luar peringkat UiTM**. Fakulti memastikan bahawa setiap projek yang berjaya dilaksanakan dihebahkan kepada umum melalui pelbagai saluran **media massa**, termasuk laman Facebook rasmi Fakulti (<https://www.facebook.com/Education.UiTM>) dan laman web rasmi Fakulti (<https://education.uitm.edu.my/>) (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 5(d)**). Langkah ini bertujuan untuk memastikan warga Fakulti sentiasa sedar tentang perkembangan perancangan yang sedang dan akan berlaku, serta **membina kepercayaan dan keyakinan rakan strategik, industri, komuniti, dan masyarakat** terhadap komitmen Fakulti Pendidikan dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Melalui pendekatan ini, Fakulti bukan sahaja menunjukkan dedikasi dalam mencapai kecemerlangan di peringkat UiTM, tetapi juga di peringkat nasional dan global.

**Hasil** daripada pelaksanaan strategi yang berkesan, Fakulti Pendidikan telah **mencapai 85.2%** daripada PI yang ditetapkan oleh **Bahagian Transformasi Universiti (BTU)** pada tahun **2023**. (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 5(e)**). Pencapaian ini amat membanggakan, lebih-lebih lagi kerana jumlah PI telah dinaikkan kepada 71 jenis berbanding 63 PI pada tahun 2022. Walaupun cabaran semakin meningkat, warga Fakulti masih berjaya mencapai kejayaan yang amat cemerlang. Kecemerlangan ini telah diiktiraf melalui **penerimaan 6 anugerah** daripada **BTU** dan **Pejabat Naib Canselor dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti 2023 di peringkat UiTM**. Antara anugerah yang diterima termasuklah **Anugerah 6 Bintang PTJ, Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik (KPI Tinggi, SAP Tinggi), dan Sijil Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kolej Pengajian/Fakulti)**. Kesemua anugerah ini mencerminkan kecemerlangan Fakulti Pendidikan dalam pelaksanaan tindakan (**Do**) **PI dan projek-projeknya**, menonjolkan komitmen Fakulti dalam mencapai matlamat strategik yang telah ditetapkan (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 5(f)**).

### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_P01\\_PB03\\_20241\\_EDU\\_2.3 BUKTI 1.pdf](#)

2. [F0034\\_P01\\_PB03\\_20242\\_EDU\\_2.3 BUKTI 2.ppt](#)
3. [F0034\\_P01\\_PB03\\_20243\\_EDU\\_2.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan PTJ telah melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang untuk mencapai sasaran bidang tumpuan yang telah dipilih dengan berkesan. **Sistem UISMS** memainkan peranan penting dalam memantau **inisiatif jalinan dan kerjasama strategik** melalui pemeteraian **MoU dan MoA** di bawah Projek Inovasi (PI). Sistem ini **dipantau secara berterusan** oleh **Pejabat Strategi dan Transformasi Universiti (PSTU)** dan dikemas kini oleh **Pengarah Projek (Timbalan Dekan) dan Pengurus Projek**, memastikan kerjasama ini selaras dengan matlamat strategik Fakulti (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 6**).

Selain itu, **pencapaian semasa** juga dipantau dan disemak oleh pengurusan kanan melalui **sistem UEPMO** yang diakses daripada sistem BTU. **Data pencapaian yang diperoleh** membantu dalam menilai kemajuan setiap projek dan mengenal pasti sebarang kekurangan yang perlu diatasi (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 7(a)**).

Sebagai salah satu kaedah yang diamalkan Fakulti Pendidikan dalam mengaplikasikan konsep **Plan-Do-Check-Act (PDCA)**, untuk aspek **pemantauan berterusan dan jangka masa panjang**, pihak Fakulti akan memastikan perbincangan bukan hanya diantara warga Fakulti, malah **melibatkan ahli kumpulan sasar** yang terlibat dalam jangka masa panjang. Ini bagi memastikan, projek yang dianjurkan bukan sahaja mencapai Fakulti, malahan memberi impak yang positif kepada komuniti. Sebagai contoh, dalam program artSMart, pihak Fakulti sentiasa **melibatkan wakil daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Negeri Pahang dan pihak sekolah** bermula daripada **perbincangan awal (perancangan)** sehingga **pelaksanaan dan pemantauan dengan pembentangan dapatan hasil program** (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 7(b) dan 7(c)**). Pembentangan seperti amat penting sebagai **proses pemantauan dan maklum balas** secara terus daripada pihak dan komuniti yang terlibat amat penting bagi memantapkan program ini pada masa akan datang.

Keseluruhannya **pemantauan** seperti ini memastikan setiap inisiatif strategik dilaksanakan dengan berkesan dan **membawa kepada pencapaian cemerlang**. Fakulti juga mengekalkan hubungan baik dengan rakan strategik, industri, dan komuniti, memastikan perancangan strategik sentiasa relevan dan memberi impak yang positif dengan sentiasa mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada mereka.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_EDU\\_2.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_EDU\\_2.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_EDU\\_2.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pendidikan telah **mengenal pasti pelbagai risiko** yang berpotensi mempengaruhi perancangan strategik dan memastikan risiko-risiko ini diambil kira dalam tindakan pencegahan oleh PTJ. Pengurusan Kanan PTJ telah bertindak proaktif dengan meminta setiap **ketua projek**, dipantau oleh **Timbalan-timbalan Dekan**, untuk **mengenal pasti** dan **mengkategorikan risiko** setiap projek mengikut kumpulan yang ditetapkan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 8(a)**). Fakulti juga telah mengadaptasi garis panduan pengurusan risiko dalam usaha memantau dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan terhadap risiko tersebut (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 8(b)**).

Pada tahun 2023, Fakulti Pendidikan telah berjaya **mengenal pasti kategori risiko** yang berkaitan dalam menjayakan perancangan strategik dan inisiatif projek-projek yang telah ditetapkan. Antara risiko utama yang dikenal pasti termasuk **risiko strategik, projek, dan reputasi**. Keseluruhannya, sebanyak **23 risiko** telah didaftarkan dalam sistem e-RMS bagi Fakulti Pendidikan (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 8(c)**). **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** Fakulti memainkan peranan penting dengan **memastikan setiap risiko yang dikenal pasti didaftarkan** untuk tujuan pemantauan yang berterusan (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 8(d)**).

Sebagai contoh, dalam inisiatif **EduSTRIKE** yang melibatkan pemeteraian MoU dan MoA dengan pihak industri, organisasi, atau komuniti luar, kelewatan pada peringkat perundangan Universiti menyebabkan pemeteraian tersebut tidak dapat dilaksanakan dalam tahun yang dirancang. Kelewatan ini merupakan **risiko strategik** kerana ia boleh mengganggu pencapaian matlamat strategik Universiti, terutamanya dalam mencapai objektif yang telah dirancang untuk tahun tersebut. Dari sudut pelaksanaan aktiviti, kegagalan melaksanakan aktiviti yang dirancang akibat kekangan kewangan adalah satu **risiko projek** yang boleh menjejaskan hasil dan keberkesanan keseluruhan projek. Kerjasama yang kurang memuaskan daripada pihak rakan MoU/MoA pula adalah **risiko reputasi**, yang boleh memberi kesan negatif terhadap imej Universiti dan keupayaannya dalam menguruskan hubungan strategik (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 8(e)**).

Fakulti Pendidikan juga menggunakan **pelan mitigasi** yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Risiko sebagai panduan untuk **mengawal risiko-risiko** ini. Risiko-risiko ini dipantau dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE), dengan **cadangan pelan mitigasi** bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek dari masa ke semasa (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 8(f)**). Pemantauan berkala dilakukan oleh pihak pengurusan, dan kemajuan serta kemaskini SAP dibentangkan semasa sesi QUARTILE (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 8(g)**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_EDU\\_2.4.2\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_EDU\\_2.4.2\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_EDU\\_2.4.2\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_EDU\\_2.4.2\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**Tindakan semula** dan **penambahbaikan** merupakan aspek penting dalam memastikan **keberkesanan pelaksanaan** perancangan strategik Fakulti Pendidikan. **Hasil analisa** perancangan strategik yang dijalankan dalam **mesyuarat mitigasi** telah digunakan sebagai asas untuk **tindakan penambahbaikan** prestasi. Setiap Timbalan Dekan bertanggungjawab untuk **membentangkan hasil** ini kepada semua **warga Fakulti**, termasuk kakitangan akademik dan pentadbiran, untuk memastikan keterlibatan yang **inklusif** dalam proses penambahbaikan. Ini adalah penting untuk **memastikan** bahawa setiap **warga Fakulti Pendidikan memahami** peranan mereka dalam mencapai kejayaan setiap projek, berdasarkan refleksi yang dibuat (**Rujuk Bukti 1: Gambar rajah 9(a)**).

Kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan sentiasa menekankan **kepentingan penghayatan** dan pemahaman keberhasilan **Petunjuk Prestasi (PI) melalui inisiatif** yang telah dirancang. Dalam usaha memperkukuhkan budaya kerja yang positif, aspek kekuatan, kelemahan, kekurangan, dan peluang yang dikenal pasti telah diberi perhatian. Warga fakulti diingatkan untuk mengambil tindakan proaktif dalam memperbaiki kelemahan dan memanfaatkan peluang yang ada untuk **meningkatkan kualiti kerja** mereka (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 9(b)**).

Untuk memastikan perjalanan perancangan strategik berjalan lancar, Fakulti Pendidikan telah memulakan **pelan tindakan sejak tahun 2022** dengan menganjurkan **Bengkel Mitigasi**. Bengkel ini berfungsi sebagai **platform untuk membincangkan dan mengukuhkan strategi mitigasi** bagi projek-projek dan inisiatif fakulti, yang kebanyakannya merupakan program tahunan dan berterusan. Melalui bengkel ini, **mitigasi** untuk tahun **2023** juga turut dibincangkan dan diperhalusi memandangkan program-program ini akan diteruskan dan berpanjangan daripada 2022 ke 2023 (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 10(a)**). **Hasilnya**, pada tahun **2023**, kebanyakan projek dan inisiatif yang dirancang telah **menunjukkan prestasi** yang berada di **landasan yang tepat (on track)** pada setiap QUATILE (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 10(b)**).

Sebagai sebuah institusi yang memberi tumpuan kepada perancangan strategik dalam pendidikan, Fakulti Pendidikan juga telah melaksanakan **langkah-langkah inovasi** untuk memperkasakan **tindakan penambahbaikan** pada tahun 2023. Salah satu inisiatif penting adalah **memperkukuhkan pemeteraian MoU dan MoA** dengan rakan strategik dan industri. Penambahbaikan ini dijangka memberi impak jangka panjang yang positif, terutamanya kepada pensyarah dan pelajar Fakulti Pendidikan. Sebagai pemantapan dan memperkukuhkan aktiviti selepas MoU atau MoA dijalinkan, Fakulti Pendidikan telah melantik pengurus utama (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 11**). Pemeraksanaan MoU dan MoA ini juga dapat dilihat dalam **Sistem Nilam melalui Sistem MoU/MoA dan Pelaporan Aktiviti MoU/MoA** (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 12**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_EDU\\_2.4.3\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_EDU\\_2.4.3\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_EDU\\_2.4.3\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_EDU\\_2.4.3\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Perancangan strategik** yang rapi adalah asas kepada keberkesanan dan kejayaan sesebuah jabatan, termasuk Fakulti Pendidikan. Setiap usaha yang digembleng dengan tersusun dan berkesan akan memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai. **Dalam konteks ini, integrasi** peranan Timbalan-Timbalan Dekan sebagai peneraju projek dengan jawatankuasa yang ditubuhkan adalah penting untuk merancang **kaedah pelaksanaan inisiatif-inisiatif** tersebut (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 15**). Fakulti sentiasa **membudayakan** pengoperasian yang jelas diantara jawatankuasa. Oleh itu, kesemua jawatankuasa ini akan dipastikan mengetahui **peranan dan skop tugas** masing-masing. **Perancangan ini memastikan penjajaran dan pengharmonian** setiap langkah yang diambil selaras dengan objektif strategik, dan memastikan semua pihak terlibat bergerak ke arah matlamat yang sama.

**Pembudayaan usaha pemerksaan** kualiti pengajaran dan pembelajaran ke arah kebolehpasaran yang tinggi adalah salah satu elemen penting dalam **perancangan strategik Fakulti**. **Usaha ini dilaksanakan melalui integrasi kolaborasi** dengan pemegang-pemegang taruh dalam pendidikan, di mana pemeteraian MoU dan MoA menjadi platform penting. Proses ini biasanya dimulakan dengan sesi “**Meet and Greet**” sama ada secara atas talian atau perjumpaan bersemuka. Ini termasuk sebagai **perbincangan awal** bagi kerjasama **jangka masa pendek** dan **jangka masa panjang** (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 16**). **Pembudayaan ini memperlihatkan keterbukaan Fakulti** kepada pelbagai bentuk kolaborasi, yang pada mulanya berteraskan kepada pencapaian Petunjuk Prestasi (PI), namun kini dilihat menjanjikan impak yang lebih besar dalam mencapai **kecemerlangan PI tahunan fakulti**.

Sebagai contoh, pelaksanaan program seperti **InCULT 2023** dan **ICMRD 2023** menunjukkan bagaimana **perancangan strategik yang teliti** dapat membawa manfaat besar. **Kolaborasi dengan IEEE dan ESN Publication bukan sahaja meningkatkan kualiti penerbitan** tetapi juga mempercepatkan proses penerbitan berimpak tinggi. **Ini merupakan langkah strategik** yang memperkukuhkan kedudukan Fakulti di peringkat antarabangsa. **Pembudayaan langkah strategik** ini telah membawa kepada **peningkatan keserjanaan** dikalangan **para pensyarah** dalam penerbitan apabila Fakulti Pendidikan berjaya mencapai hampir 100% pencapaian PI (satu PI 82.14%) dalam PI penerbitan (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 17**).

**Pembudayaan kolaborasi-kolaborasi ini** turut mendapat sambutan baik di kalangan pensyarah dan pelajar. **Pengiktirafan melalui habahan di laman web dan WhatsApp group fakulti** adalah satu cara kecil tetapi signifikan untuk mengiktiraf usaha dan inisiatif ini. **Fakulti Pendidikan juga akan memastikan integrasi objektif dan inisiatif strategik disemai** melalui beberapa langkah utama, seperti **perkongsian maklumat melalui laman web, facebook, email dan aplikasi whatsapp (kumpulan)**. **Medium ini** digunakan untuk memastikan semua warga fakulti terlibat dan **memainkan peranan** mereka dengan tepat dalam menjayakan perancangan strategik ini (**Rujuk Bukti 3: Gambar rajah 18**). **Pembudayaan komunikasi yang berkesan ini** menjadi tunjang kepada kejayaan pencapaian PI dan pelaksanaan projek-projek Fakulti Pendidikan.

Keseluruhannya, **integrasi antara perancangan, pelaksanaan, dan hasil** ini adalah bukti keberkesanan dan kecekapan Fakulti Pendidikan dalam mencapai **matlamat strategiknya**, dengan setiap langkah diambil secara bersepadu dan diselaraskan dengan baik untuk memastikan kejayaan jangka panjang.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_P01\\_PB05\\_20241\\_EDU\\_2.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_P01\\_PB05\\_20242\\_EDU\\_2.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_P01\\_PB05\\_20243\\_EDU\\_2.5 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.





## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan mengutamakan sistem pengurusan pelanggan kerana ini satu cara **check & balance** bagi perkhidmatan yang diberikan kepada semua pelanggan sebagai pemangkin langkah pembetulan dan pencegahan bagi memenuhi keperluan pelanggan dan organisasi. Ia adalah asas penambahbaikan, perancangan strategik dan pengurusan perhubungan yang lebih sistematik dan efisien bagi Fakulti Pendidikan. Empat teras utama bagi pembentukan hubungan baik pelanggan:

1. Kerjasama dengan pelajar dan pihak berkepentingan untuk mengenalpasti, merancang dan memperkasakan ekosistem lanskap EDU yang kondusif dan berpencapaian (**PLAN**)
2. Penyediaan pelbagai saluran komunikasi untuk menyampaikan maklumat secara konstruktif (**DO**)
3. Penilaian dan penambahbaikan skop kerja bagi meneruskan kerjasama yang positif dengan pelajar, masyarakat dan industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (**CHECK dan ACT**)

Tumpuan pelanggan Fakulti Pendidikan memfokuskan tiga pengkhususan utama iaitu **EduSTRIKE, EduRICH** dan juga **EduWHIZ**. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga bidang tumpuan ini membantu melonjakkan capaian sasaran tahunan petunjuk prestasi Fakulti Pendidikan pada tahun 2023 menerusi pelbagai program pemerksaan bidang akademik, pelajar dan komuniti intelektual dan sosial. Pelanggan utama dari komuniti dan industri akademik dari universiti dan sekolah dimanfaatkan menerusi aktiviti hab kepakaran yang dilaksanakan seperti pengajaran kolaboratif dan penyeliaan, pembangunan modul, undangan sebagai penyampai ucap tama, penganjuran persidangan dan pakar rujuk dari pelbagai aspek di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Kepentingan pelajar dan masyarakat juga didukung melalui **inisiatif Pembangunan Modal Insan, pemeteraian MoU dan MoA serta pelaksanaan projek SULAM** di mana pelajar menyelesaikan permasalahan yang dihadapi komuniti setempat dengan mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang dipelajari semasa kuliah. Dua **projek SULAM** pada tahun 2023 iaitu **artSMart 8.0** dan **X.O.X School Attack** dipelopori oleh ahli akademik dan mahasiswa fakulti sejak beberapa tahun lalu, dengan kerjasama guru dan pelajar sekolah bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti mengikut disiplin masing-masing. Program yang mensasarkan komuniti akademik tempatan dan antarabangsa ini menjadi platform bagi peserta mempamerkan produk dan hasil kajian mereka yang berteraskan pengajaran dan pembelajaran. **Inisiatif Mathematics for Rural Kids (MARK)** merupakan platform untuk pelajar berkongsi ilmu dan pengalaman secara strategik bagi memperkasakan kepimpinan dan proses pembelajaran di komuniti masing-masing. Seiring dengan SDG10, fakulti kekal dengan tujuan asal MARA iaitu mengurangkan jurang kesamarataan dalam masyarakat. Ikon Muaddib adalah salah satu usaha yang diangkat oleh Fakulti Pendidikan yang bertujuan melahirkan pemimpin-pemimpin muda dan membentuk mahasiswa sebagai agen perubahan.

Untuk aspek perancangan (**plan**), bengkel perancangan strategik dijalankan untuk menentukan penglibatan jabatan dan staf mengikut inisiatif yang dirangka bagi mendukung tiga (3) inisiatif utama yang dirangka oleh pengurusan tertinggi fakulti. Pelanggan yang dikenalpasti terlibat dalam setiap projek yang dijalankan merangkumi komuniti akademik, industri, NGO dari peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ketiga-tiga inisiatif ini telah dimanifestasikan secara berkala dan sistematik (**do**). Bagi mengekalkan kelancaran pelaksanaan program yang telah dirangka, kaji selidik keperluan melalui *Google Form* dan lawatan tapak dilakukan bagi memahami keperluan komuniti yang disasarkan bagi setiap program (**check**). Pemantauan setiap perancangan dilakukan bagi melihat keberkesanan program. Usaha ini menjadi faktor utama kepada penyumbang kejayaan projek bagi ketiga-tiga inisiatif. Selanjutnya, tindakan

penambahbaikan (**act**) diambil berdasarkan maklumbalas dari pihak-pihak yang terlibat bagi memastikan penganjuran program di masa hadapan berimpak dan memberi nilai tambah yang baik kepada komuniti sasaran yang terlibat.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fokus utama kumpulan sasar Fakulti Pendidikan terdiri dari empat kategori iaitu pelajar, pensyarah, jabatan serta program bagi semua kursus yang ditawarkan di fakulti dan pelanggan luaran yang berkepentingan iaitu industri dan pemegang taruh. Menerusi inisiatif **EduSTRIKE, Outbound International Visiting Scholar Program Universitas Negeri Semarang (UNNES)-Universitas Yogyakarta (UNY)-Universiti Teknologi MARA (UiTM)** telah dilaksanakan. Selain diundang sebagai penceramah ucapnama persidangan, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tempoh penganjuran program seperti forum STEM, tiga ceramah tamu, **bengkel Integrated STEM Implementation Agreement** bersama **UNNES dan UNY**, serta **Memorandum Understanding (MoU) dengan UNY**. Aktiviti kolaborasi bersama UNNES dan UNY mengangkat kepakaran pensyarah Fakulti Pendidikan di peringkat antarabangsa. Pensyarah Fakulti Pendidikan menyumbang kepada masyarakat luar, sekaligus menerima manfaat pendedahan dengan sistem pendidikan Indonesia (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 1**). Ekoran dari program tersebut, wakil pensyarah UNNES datang ke UiTM untuk perkongsian ceramah tamu bersama pelajar Pendidikan Sains di mana pelajar-pelajar didedahkan dengan topik berkisar STEM.

Seterusnya, salah satu inisiatif daripada fokus **EduRICH** adalah **Seminar Menjana Naratif Inovasi STEM 2023 (K-SEMANIS'23)**. Program peringkat antarabangsa ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan dengan tujuan untuk membudayakan inisiatif penyelidikan dan inovasi STEM dalam kalangan warga pendidik dan bakal warga pendidik di negeri Selangor. K-SEMANIS'23 yang dilaksanakan di UiTM Puncak Alam menganggarkan 3000 penyertaan di kalangan guru dan pelajar. Melalui K-SEMANIS'23, kumpulan sasaran yang menerima manfaat adalah komuniti akademik di mana K-SEMANIS'23 menjadi platform untuk tenaga pengajar dan pelajar berkongsi ilmu serta pengalaman di dalam bidang STEM (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 2**).

Inisiatif **EduWHIZ** juga **mengenengahkan keserjanaan ahli akademik** apabila pensyarah Fakulti Pendidikan dari pelbagai bidang dijemput sebagai penceramah jemputan, penilai tesis pelajar lepasan ijazah atau panel pakar untuk berkongsi kepakaran masing-masing di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai contoh Professor Dr. Sharipah Ruzaina Syed Aris yang dijemput sebagai penceramah ucapnama untuk International Conference of Advancing and Redesigning Education 2023 dan Profesor Madya Dr. Mawarni Mohamed sebagai penceramah pleno di 2023 World Physical Education Alliance International Conference (WPEA) (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 3**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_T01\\_TB02\\_20241\\_EDU\\_3.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_T01\\_TB02\\_20242\\_EDU\\_3.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_T01\\_TB02\\_20243\\_EDU\\_3.2 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, Fakulti Pendidikan sentiasa memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Fail peribadi staf dan sistem MyATP digunakan untuk simpanan rekod staf manakala laman portal SIMS menempatkan data peribadi pelajar. Antara data yang dikumpul adalah seperti surat lantikan, surat jemputan, maklumbalas pelanggan, mesyuarat bersama industri serta laporan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan.

### PENGURUSAN KUMPULAN SASAR

#### 1. PENSYARAH

Fakulti Pendidikan terus komited dalam kemajuan kerjaya pensyarah. Melalui inisiatif **EduWHIZ** dan **EduSTRIKE**, pemerksaan kepakaran dalam kalangan staf dapat dilihat menerusi peningkatan keterlibatan para pensyarah sebagai pakar rujuk, penyampai ucapnama, pensyarah tamu, ahli panel forum serta jurulatih sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Warga akademik diberi peluang berkongsi ilmu dan kepakaran menerusi **program mobiliti** seperti **Outbound International Visiting Scholar Program UNNES-UNY-UiTM** yang menjalankan beberapa siri syarahan tamu dan forum STEM melibatkan pensyarah dari Jabatan Sains (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 4**).

Contoh lain adalah pembangunan kit pembelajaran program **Mathematics for Rural Kids (MARK)** serta pembangunan lima modul untuk Pertubuhan Taqniin Tahfiz yang bertujuan menyampaikan pengetahuan serta menggilap kemahiran dan kemampuan daya saing lepasan tahfiz sebagai persediaan menceburi alam pekerjaan. Pelaksanaan aktiviti penyeliaan kolaboratif dan penyelidikan mini berasaskan amalan diantara **Jabatan TESL bersama English Education Study Program (EESP)**, **UNISMA** bertindak sebagai platform untuk pensyarah berkongsi kepakaran dan menyalurkan input berkenaan penyeliaan program pengajaran. **Inisiatif bersama Cloud Connect Sdn. Bhd.** turut melibatkan beberapa pensyarah sebagai pembangun kurikulum ICT moden yang akan menjadi rujukan serta piawai kerjasama sektor pendidikan dan industri di masa hadapan. Lantikan-lantikan dan undangan yang diterima terutamanya dari institusi luar negara meningkatkan profesionalisme pensyarah sekaligus melonjakkan nama Fakulti Pendidikan UiTM serta **ketampakan UiTM di peringkat antarabangsa (Rujuk BUKTI 2: Pautan 1)**.

Hasil sokongan dan penambahbaikan berterusan dari pengurusan fakulti melalui inisiatif **EduWHIZ** juga telah menyerlahkan keserjanaan ahli akademik apabila pelbagai **anugerah** dirangkul oleh pensyarah Fakulti Pendidikan sepanjang tahun 2023. Anugerah ini merangkumi pelbagai aspek iaitu kepimpinan, kajian serta inovasi (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 5**).

#### 2. PELAJAR DAN MASYARAKAT

Bagi meningkatkan nilai dan kebolehpasaran graduan selari dengan  **misi Globally Renowned University 2025**, Fakulti Pendidikan melalui inisiatif **EduRICH** turut mengukuhkan jalinan industri dan komuniti secara kolaborasi. Pelajar diberi sokongan dan ruang untuk terlibat dalam program khidmat masyarakat, program mobiliti, pertandingan inovasi dan persatuan. **Penganjuran Pencarian Ikon Muaddib** untuk kali kedua dan **artSMart siri lapan** membolehkan kedua-dua program ini diangkat sebagai program flagship fakulti. Pencarian Ikon Muaddib 2.0 yang berpaksikan pembangunan modal insan menyaksikan kolaborasi antara Fakulti Pendidikan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Bahagian Zakat, Sedekah & Wakaf (ZAWAF). Penyertaan program ini melibatkan pelajar dari UiTM Cawangan Selangor, ACIS, UiTM Cawangan Pahang serta Fakulti Perladangan dan Agroteknologi. Fakulti menyokong penuh penglibatan mahasiswa dalam program sukarelawan masyarakat (volunteering pengajaran) menerusi artSMart 8.0 yang mengkhususkan komuniti Orang Asli di sekitar Kuala Lipis dan **International Volunteerism UiTM-UNJ** di TK Labschool Rawamangun,

Indonesia. Selain itu, **Program Semarak Siswa Madani Ikon Muaddib** memfokuskan kepada penyebaran ilmu atau fahaman agama kepada masyarakat dan mahasiswa UiTM menerusi inisiatif keluarga angkat di Kampung Gunung Senyum, Pahang (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 6**).

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_T01\\_TB03\\_20241\\_EDU\\_3.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_T01\\_TB03\\_20242\\_EDU\\_3.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_T01\\_TB03\\_20243\\_EDU\\_3.3 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_T01\\_TB03\\_20244\\_EDU\\_3.3 BUKTI 4.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengumpulan input awal daripada pelanggan serta komunikasi berterusan menjadi amalan Fakulti Pendidikan supaya dapat merancang dan melaksanakan program yang memenuhi keperluan pelanggan serta berimpak (**Rujuk BUKTI 1: Jadual 1**). Analisa keperluan dan pertemuan awal bersama pelanggan diadakan sebelum projek **artSMart 8.0: Unlocking Learning Opportunities** dijalankan. Mendukung agenda ekuiti pendidikan, ia memfokus kepada golongan terpinggir di pedalaman iaitu komuniti Orang Asli di Kuala Lipis, Pahang. Projek yang dijalankan secara berfasa merangkumi sesi bual bicara, temubual, pemerhatian, bengkel pendidikan, aktiviti pembelajaran, pameran dan karnival membabitkan sekitar 600 orang komuniti bertujuan meningkatkan tahap penguasaan murid di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains menerusi pelaksanaan modul yang dibangunkan khas bagi murid Orang Asli (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 7**).

**Mathematics for Rural Kids (MARK)** mengetengahkan kepakaran tenaga kerja di Fakulti Pendidikan dalam penghasilan resos dalam bentuk atas talian (modul dan Learning Management System) serta fizikal (kit pembelajaran) bagi meningkatkan penguasaan pelajar miskin tegar di dalam mata pelajaran Matematik iaitu bidang sasaran Maybank Foundation, rakan strategik MoA program. Program MARK 2.0 adalah fasa pelaksanaan secara meluas resos yang telah dibangunkan semasa MARK 1.0, melalui kajian rintis yang dijalankan di beberapa buah MRSM, sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri melibatkan sekitar 500 orang murid miskin tegar. Komunikasi berterusan diadakan untuk memastikan pelanggan berpuashati dengan perkembangan program (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 8**).

Memasuki tahun kedua penganjuran bersama ACIS, **Ikon Muaddib 2.0: Agen Perubahan Pemantapan Nilai dan Akhlak** meneruskan misi murni untuk membentuk mahasiswa sebagai agen perubahan di UiTM dan komuniti dengan mengasah bakat kepimpinan, ketrampilan dan kerohanian mahasiswa dengan bimbingan 'murabbi' terpilih. Ia sejajar dengan matlamat GRU2025, khususnya Quality Education dan Global Excellence. Selain pertandingan mencari ikon, program kali ini dipertingkatkan dengan program mendekati komuniti iaitu Semarak Siswa Madani Ikon Muaddib di Kampung Gunung Senyum, Pahang merangkumi aktiviti seperti tazkirah di masjid, gotong-royong kawasan masjid dan kubur, dan teknik pembajaan sawit. Perbincangan awal diadakan sebelum memulakan program (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 9 dan BUKTI 5: Gambar rajah 10**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_EDU\\_3.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_EDU\\_3.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20243\\_EDU\\_3.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_EDU\\_3.4.1 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20245\\_EDU\\_3.4.1 BUKTI 5.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah aspek yang amat dititik berat oleh Fakulti Pendidikan bagi memastikan kelancaran setiap aspek program yang dirancang (**Rujuk BUKTI 1: Jadual 2**). Pengurusan logistik dikenalpasti sebagai risiko dalam pelaksanaan **projek artSMart 8.0** kerana dijalankan di sekolah-sekolah Orang Asli yang terletak di kawasan hutan pedalaman. Kenderaan khas seperti lori dan kereta pacuan empat roda (4WD) diperlukan untuk mengangkut ahli penggerak (mahasiswa, pensyarah dan staf sokongan) dan pelbagai peralatan projek supaya dapat merentasi bentuk muka bumi yang berbukit-bukau, bersimpang-siur serta tidak mempunyai jalan raya di sesetengah kawasan. Sebagai langkah proaktif, penganjur berjaya mendapatkan tajaan kenderaan yang diperlukan dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Inisiatif ini turut menjimatkan perbelanjaan projek kerana penyewaan kenderaan khas tentu akan melibatkan kos yang sangat tinggi (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 11**). Risiko lain artSMart 8.0 adalah tahap penguasaan sedia ada murid Orang Asli dalam mata-mata pelajaran yang disasarkan. Bagi mencapai matlamat yang diharapkan, modul dan aktiviti-aktiviti pembelajaran diadaptasi bersesuaian dengan tahap penguasaan murid Orang Asli dan menepati kehendak kurikulum kebangsaan serta menggunakan kaedah fun learning dan project-based learning. Hasilnya, analisa penguasaan murid yang dijalankan sebelum (pra) dan sesudah (pasca) aktiviti dijalankan menunjukkan peningkatan positif terhadap tahap penguasaan murid (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 12**).

Bagi menjalankan kajian rintis **MARK 2.0**, capaian dan sambungan internet yang stabil merupakan risiko dalam pelaksanaan sumber-sumber yang telah dibangunkan. Untuk menjayakan program, penganjur telah mendapatkan persetujuan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) untuk menjadikan MRSM di beberapa buah negeri, sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri sebagai lokasi pelaksanaan MARK 2.0 kerana mereka mempunyai kemudahan yang diperlukan. Kerjasama ini telah membantu dalam kelancaran kajian rintis yang dijalankan (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 13**).

Penglibatan di dalam **Ikon Muaddib 2.0** memerlukan komitmen yang tinggi dari peserta iaitu calon Ikon Muaddib dan juga pakar yang telah dilantik sebagai murabbi (mentor). Mereka perlu menghabiskan 11 modul bimbingan ('berguru') secara berkumpulan dalam tempoh 6 minggu. Bagi mencapai objektif ini, penganjur memberi fleksibiliti untuk perjumpaan dijalankan dengan kombinasi mod online dan offline (fizikal). Melalui pemudahcaraan ini, semua kumpulan telah berjaya menamatkan kesemua modul di dalam tempoh yang ditetapkan (**Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 14**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_EDU\\_3.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_EDU\\_3.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_EDU\\_3.4.2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_EDU\\_3.4.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20245\\_EDU\\_3.4.2 BUKTI 5.pdf](#)



### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Pendidikan sentiasa mempertimbangkan maklumbalas pelanggan bagi penambahbaikkan penganjuran program di masa hadapan (**Rujuk BUKTI 1: Jadual 3**). Kekurangan dana kewangan adalah aspek yang perlu ditambah baik kerana dana yang terkumpul tidak mencapai sasaran dan menyukarkan pelaksanaan **projek artSMart 8.0**. Keadaan ini mungkin berpunca daripada perancangan perbelanjaan yang kurang terperinci dan kurang mendapat sumbangan. Bagi mengurangkan perbelanjaan, penganjur mengambil inisiatif untuk memasak makanan secara bergotong-royong, namun ini sebenarnya diluar skop kerja yang dirancang (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 15**). Untuk penambahbaikkan penganjuran artSMart akan datang, pengiraan costing yang lebih rapi akan dibuat dan pencarian penaja akan dimulakan lebih awal serta lebih meluas iaitu secara fizikal dan tidak tertumpu kepada kawasan Lembah Klang sahaja. Bilangan ahli jawatankuasa tajaan akan ditingkatkan supaya sasaran sumbangan dapat dicapai.

Menerusi maklumbalas dari guru dan murid hasil dari pelaksanaan kajian rintis **MARK 2.0**, penambahbaikkan kepada beberapa aspek sumber yang dibangunkan telah dikenalpasti. Ini termasuklah penambahan topik di dalam silibus serta video pembelajaran yang perlu dimasukkan ke dalam modul. Dapatan ini telah dibentangkan kepada rakan strategik dan penaja utama program, Maybank Foundation (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 16**).

Penambahbaikkan program **Ikon Muaddib 2.0** adalah perluasan kerjasama penganjuran dengan pembabitan UiTM Cawangan Pahang dan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi sekaligus meramaikan jumlah calon Ikon Muaddib dari fakulti-fakulti yang terlibat. Maklumbalas dari penganjuran Ikon Muaddib 1.0 pula dimanfaatkan sepenuhnya di dalam penganjuran kali ini merangkumi aspek logistik seperti pemilihan masa yang lebih sesuai, memastikan peralatan di lokasi berfungsi dan capaian internet stabil. Namun, usai penganjuran pertandingan Ikon Muaddib 2.0, masih terdapat beberapa kekurangan dalam persediaan program. Mesyuarat *Post-Mortem* telah membincangkan penambahbaikkan yang perlu dilakukan bagi penganjuran seterusnya iaitu tempahan kerusi bankuet lebih awal, pencetakan buku program lebih awal, senarai jemputan VIP dimuktamadkan lebih awal dan peringatan kepada penonton untuk mengisi borang kehadiran melalui kod QR. Selain itu, maklumbalas program bersama komuniti Semarak Siswa Madani Ikon Muaddib menunjukkan komuniti berpuas hati dengan program secara keseluruhan dan boleh diteruskan pada masa hadapan. Walaubagaimanapun, seorang peserta tidak bersetuju dengan kejayaan dan manfaat program, maka refleksi perlu dilakukan untuk mengenalpasti puncanya bagi tujuan penambahbaikkan (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 17 dan BUKTI 5: Gambar rajah 18**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_EDU\\_3.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_EDU\\_3.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_EDU\\_3.4.3 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_EDU\\_3.4.3 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20245\\_EDU\\_3.4.3 BUKTI 5.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi setiap pencapaian yang telah dilaporkan untuk tahun 2023, ia dirintis berasaskan pelbagai pencapaian dan hubungan yang telah dijalin, contohnya aspek pengajaran kolaboratif, pembangunan modul, penganjuran persidangan antarabangsa. Kekurangan diperbaiki dan usaha diperkasakan, walaupun julung kali dijalankan, kesinambungan usaha Fakulti dalam komuniti sekolah dan entiti terkait, contohnya; **K-SEMANIS'23** tidak mungkin terhasil tanpa ketampakan Fakulti berasaskan kredibiliti kerjasama yang terbina dari pelbagai program Fakulti sebelum ini.

Seperti **artSMart 8.0** yang memang menjadi tradisi bertahun lama, usaha memperkasakan Matematik dalam kalangan anak bangsa Malaysia juga telah lama berjalan dari 2015 menerusi penganjuran **UMC (Ultimate Maths Challenge)** (<https://umc.uitm.edu.my>) (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 19**) membuka jalan program **Mathematics for Rural Kids (MARK)** yang telah berlangsung selama dua tahun dan wujudnya juga program **MATH Academy**.

**INCULT2023** merupakan konferensi flagship Fakulti Pendidikan dari 2002, membudayakan penganjuran program antarabangsa melalui kerjasama erat dengan rakan-rakan kolaborasi. Usahasama luar **ICRMD (Tamil Nadu)** dan **K-SEMANIS'23** membuktikan wibawa Fakulti Pendidikan dalam perkongsian kreativiti dan inovasi di peringkat lokal dan antarabangsa. Pembudayaan integrasi pengetahuan dan inovasi dizahirkan dengan penyeliaan kolaboratif dan penyelidikan di antara Jabatan TESL bersama English Education Study Program (EESP), UNISMA berkongsi kepakaran dan menyalurkan input berkenaan penyeliaan program pengajaran. Inisiatif bersama Cloud Connect Sdn. Bhd. membangunkan kurikulum ICT moden akan menjadi rujukan serta piawai kerjasama sektor pendidikan dan industri. Lanjutan cerminan pembudayaan kesukarelawan di kalangan pelajar menerusi program SULAM, terbawa sehingga di peringkat antarabangsa, dengan program perkongsian ilmu dan usaha sukarela Gandhigram, dimana pelajar TESL berkerjasama untuk menghasilkan modul pengajaran untuk penggunaan guru pelatih Lakshmi College, India (**Rujuk Bukti 2: Gambar rajah 20**).

Penggunaan kaedah pelaksanaan pembelajaran berteraskan teknologi digital terbaharu yang diterapkan dalam ketiga-tiga inisiatif juga merupakan suatu inovasi yang membantu mengangkat konsep pembelajaran tanpa sempadan kepada pelajar, pendidik, penyelidik dan komuniti. Rumusannya, hasilan daripada ketiga-tiga inisiatif yang digerakkan pada tahun 2023 telah berjaya menyumbang dan meningkatkan kadar visibiliti Fakulti Pendidikan diperingkat dalaman UiTM, kebangsaan dan antarabangsa. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini merupakan salah satu usaha dalam membentuk mahasiswa fakulti yang berdaya saing seiring dengan **visi UiTM** iaitu **'to transform the university into a Globally Renowned University in 2025'**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_T01\\_TB05\\_20241\\_EDU\\_3.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_T01\\_TB05\\_20242\\_EDU\\_3.5 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan telah melaksanakan tiga inisiatif utama sepanjang tahun 2023: **EduWHIZ, EduRICH, dan EduSTRIKE**. Penulisan ini akan memberi tumpuan kepada tiga projek utama dalam konteks pengukuran Pengajaran dan Pembelajaran, iaitu **AJUE, SULAM, dan MARK**.

Projek pertama, **AJUE (EduWHIZ)**, adalah **jurnal berindeks Scopus** yang fokus kepada hasil penulisan berkaitan pembelajaran di institusi pengajian tinggi dan pendidikan sekolah. Jurnal ini memberi impak signifikan terhadap landskap pengajaran dan pembelajaran tempatan dan antarabangsa. Penerbitan dalam AJUE melibatkan penyerahan artikel berkualiti tinggi dari penyelidik dan pendidik, termasuk pensyarah universiti, pelajar pascasiswazah, serta pegawai pendidikan. Proses pemilihan artikel yang ketat melibatkan kerjasama penilai dari Fakulti Pendidikan dan luar negara. AJUE telah dinaik taraf dari jurnal Q3 pada tahun 2021 kepada Q2 pada tahun 2022-2023.

Projek kedua, **SULAM (EduRICH)**, adalah pendekatan pengajaran yang mengintegrasikan objektif kursus dengan **khidmat komuniti**. Pendekatan ini melibatkan pelajar dalam menyelesaikan isu-isu setempat menggunakan pengetahuan yang diperoleh di bilik kuliah. Fakulti Pendidikan secara aktif melibatkan pelajar dan staf dalam pelbagai aktiviti **SULAM**, yang diselenggarakan dengan kursus dari setiap jabatan. Kebanyakan projek melibatkan kerjasama antara pelajar dan staf dengan sekolah serta institusi masyarakat sekitar Puncak Alam.

Projek ketiga, **MARK (Math for Rural Kids) (EduSTRIKE)**, dimulakan pada tahun 2020 oleh Universiti dan Pejabat Komuniti semasa wabak Covid-19. Program Tuisyen Online percuma ini bertujuan membantu pelajar yang ketinggalan dalam pembelajaran atas talian, terutama dari golongan miskin tegar. Awalnya dikenali sebagai Projek Tuisyen Rakyat, projek ini ditaja oleh Maybank Foundation dengan fokus pada subjek Matematik. Ia menyediakan pakej pembelajaran online dan offline, dan diteruskan dengan MOA MARK1.0, menawarkan tuisyen Matematik atas talian yang kos rendah.

Ketiga-tiga projek ini telah melalui proses pembuatan keputusan berasaskan data, yang merupakan nilai teras di Fakulti Pendidikan. Untuk mencapai keberkesanan program, sistem pengukuran yang berimpak tinggi telah diterapkan. Pengukuran yang berkesan juga menjadi indikator kepada Pendidikan Berkualiti, yang selaras dengan **Sustainable Development Goals (SDG)**.

Kitaran PDCA digunakan untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Proses ini bermula dengan perancangan (Plan) melalui bengkel strategik, diikuti pelaksanaan (Do) program yang dirancang secara optimal. Setiap perancangan akan dipantau (Check) untuk menilai keberkesanan program serta mengenal pasti kekuatan dan kelemahan. Akhirnya, tindakan penambahbaikan (Act) akan diambil, sama ada mengubah strategi untuk membetulkan kesilapan atau meningkatkan pelaksanaan bagi program yang berjaya.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### AJUE

Pencapaian AJUE boleh diukur melalui kualiti penulisan yang disumbangkan oleh penulis serta pengurusan jurnal yang terancang. Untuk memastikan kualiti artikel yang diterbitkan dalam jurnal berindeks ini terjamin, penulis perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan jurnal (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1**). Kualiti artikel yang diterbitkan perlu memenuhi standard yang tinggi bagi mencerminkan AJUE sebagai **jurnal Q2** pada tahun 2022 (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 2**). Hasil daripada proses penghantaran artikel yang teliti dan rapi, AJUE telah dinaik taraf kepada jurnal Q2 pada tahun 2022-2023. Selain **diindeks oleh Scopus**, AJUE juga **tersenarai dalam Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, dan Google Scholar** (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 3**). Perkongsian pengetahuan berlaku apabila panel penilai memberikan maklumbalas mengenai artikel yang dinilai, termasuk saranan untuk penambahbaikan (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 4**). Jurnal ini juga telah mengalami inovasi dengan melantik dua pegawai jurnal untuk menyokong pengurusan dalam aspek kerja pengkeranian, pembetulan, penyuntingan, dan penyusunan format.

### SULAM

Program SULAM telah dirancang secara sistematik dengan mengenal pasti kursus-kursus yang relevan daripada program akademik. Perancangan diteruskan dengan mengenal pasti komuniti yang terlibat serta merancang program yang sesuai (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 5**). Pada tahun 2023, **Projek Art Smart Orang Asli** telah memberikan impak yang besar terhadap kemenjadian pelajar dan kepakaran para pensyarah dengan kerjasama pelbagai industri (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 6 dan 7**). Untuk tujuan penilaian program-program SULAM ini, rubrik penilaian standard digunakan, dengan penekanan khusus pada penglibatan komuniti (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 8**). Perkongsian pengetahuan program SULAM telah dilakukan melalui akaun rasmi Fakulti Pendidikan di Facebook dan saluran rasmi Fakulti Pendidikan di YouTube (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 9**).

### MARK

**Program Tuisyen Online percuma** diusahakan untuk membantu pelajar yang ketinggalan dalam Pembelajaran Dari Rumah (PDPR) atau pembelajaran atas talian, kepada pelajar miskin tegar di bandar. Program ini melibatkan beberapa pihak, termasuk **penaja utama Maybank Foundation, Yayasan Pelajaran MARA, MRSM, Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah, dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)** yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang mempunyai ramai pelajar miskin tegar. Sumbangan kepakaran pensyarah dari pelbagai bidang dan khidmat pelajar Fakulti Pendidikan telah diberikan kepada pelajar miskin tegar luar bandar. Pencapaian program ini diukur melalui konsep pembelajaran "dari bilik darjah ke bilik darjah", di mana pelajar miskin tegar luar bandar dapat menikmati tuisyen percuma serta kit pembelajaran offline dan online (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 10**). Program ini dimulakan dengan kajian rintis untuk mengenal pasti keperluan, diikuti dengan pembangunan platform pembelajaran multimedia imersif. Pembangunan ini melibatkan kepakaran dalam konten, multimedia, sistem pengurusan pembelajaran (LMS), reka bentuk pembelajaran imersif, dan sukarelawan dari kalangan pelajar (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 11**). Prototype ini kemudian disambung dan ditambah baik dalam Projek MARK 2.0 pada Ogos 2023. Kajian lapangan dijalankan sewaktu ini dan penambahbaikan diteruskan dalam Projek MARK 3.0 yang dimulakan pada April 2024. Kepercayaan tinggi dari pihak industri membuktikan kualiti kerja yang berimpak dan inovasi tinggi yang dirangka secara sistematik oleh Fakulti Pendidikan, bukan sahaja dari kumpulan pakar tetapi juga dengan sokongan penuh dari pihak pengurusan dan bantuan pentadbiran yang berterusan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 12**).

### SENARAI BUKTI:

1. [F0034\\_A01\\_AB02\\_20241\\_EDU\\_4.2\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_A01\\_AB02\\_20242\\_EDU\\_4.2\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_A01\\_AB02\\_20243\\_EDU\\_4.2\\_BUKTI\\_3.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

#### AJUE

Dari segi perluasan, AJUE memastikan pemilihan artikel dilakukan dengan teliti. Panel penilai AJUE terdiri daripada ahli Fakulti Pendidikan, UiTM, dan komuniti akademik antarabangsa. Mereka bertanggungjawab menilai artikel berkualiti untuk diterbitkan dalam jurnal ini, dan berkongsi maklumat hasil penilaian dengan penulis untuk penambahbaikan (**Rujuk BUKTI 1: Carta 1**). Proses ini adalah amalan standard di peringkat antarabangsa. Untuk memastikan AJUE dinaik taraf ke tahap Q2, jurnal ini menjalankan pelbagai kolaborasi dengan konferens dan institusi pendidikan lain, yang secara tidak langsung meningkatkan ketampakan dan indeks sitasi AJUE (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 13**). Penilaian dan pemantauan terhadap kualiti penerbitan dilakukan dengan memastikan artikel yang dihantar berfokus pada skop jurnal, iaitu isu-isu pembelajaran di institusi pengajian tinggi dan pendidikan di sekolah yang memberi kesan langsung kepada pendidikan tinggi negara (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 14**). Artikel yang diterbitkan tidak hanya mengikut skop dan tema jurnal, tetapi juga mencerminkan kepelbagaian amalan pendidikan berdasarkan situasi semasa di negara-negara dengan demografi yang berbeza. Ini menjadikan artikel dalam jurnal ini lebih berkualiti dan mampu menarik lebih ramai penyelidik untuk merujuk jurnal tersebut, seterusnya membantu AJUE meningkatkan indeks sitasinya.

#### SULAM

Program SULAM yang dijalankan bersifat 'top-down'. Sebagai program yang terintegrasi dengan kursus akademik, SULAM melalui proses penilaian pelajar semasa program berlangsung bersama komuniti (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 15**). Selain daripada penilaian kursus, maklum balas juga diperoleh daripada komuniti yang terlibat. Maklum balas ini direkodkan dan dikongsi melalui laman web fakulti, laman Facebook rasmi fakulti, serta akaun media sosial lain.

#### MARK

Maklumat dan data pelajar diperoleh daripada analisis laporan tahunan cawangan-cawangan Maybank seluruh negara, yang mencatatkan peratusan transaksi ekonomi terendah sebagai indikator kawasan berpenduduk miskin tegar yang tinggi (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 16**). Akses kepada pelajar terpilih juga diperoleh daripada analisis keputusan akademik dan tahap sosioekonomi projek-projek kebajikan di bawah Yayasan Pelajaran MARA dengan bantuan Jabatan Pendidikan Negeri. Hasil dapatan ini digunakan oleh pihak pengurusan dan sokongan untuk membantu pelaksanaan projek, melibatkan kepakaran subjek dan penglibatan pelajar yang dikenalpasti. Data dan maklumat pelaksanaan projek ini disimpan dan diperbaiki setiap tahun, kerana Fakulti dan pihak pengurusan perlu sentiasa responsif kepada keperluan semasa kumpulan sasaran yang dipilih berdasarkan keperluan dari semua pemegang taruh penting dalam projek ini (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 17**)

#### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_A01\\_AB03\\_20241\\_EDU\\_4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_A01\\_AB03\\_20242\\_EDU\\_4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_A01\\_AB03\\_20243\\_EDU\\_4.3 BUKTI 3.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **AJUE**

Jurnal AJUE, sebuah jurnal berwasit, **dinaiktaraf ke tahap Scopus Q2** pada tahun 2022-2023. Untuk meningkatkan peratusan quartile jurnal ini, jumlah sitasi sentiasa dipantau. Analisis data menunjukkan keperluan untuk meningkatkan ketampakan AJUE dalam komuniti penyelidik dan akademik. Oleh itu, pihak editorial AJUE telah berkolaborasi dengan institusi pengajian tinggi dan penganjur konferens untuk mendapatkan lebih banyak peluang penerbitan artikel (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 18**). Selain itu, penambahbaikan pengurusan jurnal juga dilaksanakan dengan melantik seorang pegawai jurnal untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran. Langkah-langkah ini diambil untuk menjadikan AJUE lebih efektif dan efisien, serta memastikan kualiti artikel yang diterbitkan terjamin.

#### **SULAM**

Program SULAM juga mengumpul maklum balas dari semua pihak melalui beberapa saluran berbeza. Salah satu saluran baru untuk program SULAM **artSMart** adalah pengumpulan maklum balas melalui rakaman video (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 19**). Rakaman video ini kemudian dikongsi di laman-laman rasmi fakulti untuk meningkatkan keberkesanan perkongsian maklum balas. Maklum balas ini dikaji untuk tujuan penambahbaikan dalam pengendalian program-program masa depan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 20**).

#### **MARK**

Inisiatif ini tidak hanya terbatas pada program tuisyen percuma yang disumbangkan oleh Fakulti Pendidikan kepada kumpulan sasaran. Bagi pelajar Fakulti Pendidikan, program ini berfungsi sebagai simulasi tugas sebenar seorang guru, memungkinkan mereka mengajar di mana sahaja dan meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran mereka. Kumpulan sasaran menerima program tuisyen percuma yang lengkap dengan kit pembelajaran. Selain itu, bantuan kewangan berupa biasiswa dan peluang menyambung pengajian di MRSM dan universiti tempatan turut ditawarkan kepada pelajar terpilih di bawah projek ini (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 21**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_EDU\\_4.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_EDU\\_4.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_EDU\\_4.4.1 BUKTI 3.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

##### AJUE

Bilangan artikel yang dihantar oleh penulis dari empat kawasan geografi yang berbeza adalah tinggi. Ini menimbulkan risiko artikel tidak dapat dimuat naik ke server kerana keperluan simpanan data yang besar. Untuk mengatasi masalah ini, AJUE telah melanggan domain sendiri untuk laman web AJUE (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 22**). Sebelum ini, AJUE berkongsi domain dengan Fakulti Pendidikan, menyebabkan kekurangan ruang simpanan data.

Risiko seterusnya adalah ketidakmampuan untuk menilai sejumlah besar artikel dalam masa yang singkat, yang membebankan penilai bagi memastikan artikel memenuhi tema pengajaran dan pembelajaran. Bagi mengatasi risiko ini, bilangan penilai artikel telah ditingkatkan melalui pembentukan pangkalan data penilai. Penilai juga diberikan senarai tanggungjawab yang jelas yang perlu dipatuhi untuk memastikan penilaian dilakukan dengan lengkap (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 23**). Selain itu, bilangan editor juga telah ditambah daripada dua kepada tiga untuk mempercepatkan proses (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 24**).

##### SULAM

Oleh kerana program ini melibatkan aktiviti di luar bilik kuliah dan UiTM, perbelanjaan yang besar diperlukan. Penganjuran program sebegini tidak boleh hanya bergantung kepada peruntukan fakulti. Oleh itu, kekangan kewangan dikenal pasti sebagai salah satu risiko, yang dapat diatasi dengan mencari tajaan dari pihak luar seperti industri.

Risiko lain adalah keselamatan pelajar yang dibawa keluar dari kampus. Isu ini dapat diatasi dengan memastikan bilangan pensyarah pengiring mencukupi dan hanya membawa pelajar yang telah mendapat kelulusan rasmi. Kelulusan ini memastikan pelajar dilindungi oleh insurans universiti dan memudahkan mereka memohon pengangkutan seperti bas UiTM (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 25**).

##### MARK

Dua risiko telah dikenalpasti bagi program ini iaitu risiko pengurusan dan risiko operasi. Dari segi risiko pengurusan, sokongan dan bantuan berterusan diperlukan bagi memastikan kelancaran projek ini. Namun, kekurangan pakar, perubahan proses dan polisi pengurusan, serta perbezaan misi di kalangan pemegang taruh merupakan risiko utama yang dikenal pasti. Risiko kedua yang dikenalpasti adalah risiko operasi. Operasi projek ini melibatkan komitmen pelbagai pihak. Risiko yang dikenal pasti termasuk kekurangan kepakaran, sumber manusia, kewangan, logistik, serta kestabilan pembelajaran atas talian. Semua ini penting untuk memastikan kelancaran perjalanan projek. (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 26**).

##### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_EDU\\_4.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_EDU\\_4.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_EDU\\_4.4.2 BUKTI 3.pdf](#)



#### 4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

##### **AJUE**

Pihak ACRULET sentiasa proaktif dalam meningkatkan kualiti penerbitan AJUE. Analisis mendapati jumlah artikel yang diterima terlalu banyak untuk ditampung oleh server, menyebabkan AJUE perlu mempunyai domain sendiri. Kualiti artikel yang diterbitkan sangat diberi perhatian dengan saringan ketat di peringkat penilai untuk memastikan tema pengajaran dan pembelajaran terjaga (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 27**). Bilangan penilai telah ditingkatkan, dan pada tahun 2023, editor juga melakukan penilaian kedua sebelum meluluskan artikel untuk penerbitan. Tambahan pula, kekerapan penerbitan telah ditingkatkan kepada empat kali setahun (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 28**). Langkah-langkah ini terbukti berkesan kerana **AJUE telah dinaik taraf dari jurnal Q3 (2021) kepada Q2 (2022-2023)**.

##### **SULAM**

Semua laporan program SULAM akan disampaikan kepada Penyelaras SULAM, di mana sebarang isu dan risiko akan dinyatakan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 29**). Sebarang isu yang mungkin timbul akan dibincangkan semasa mesyuarat JAF, termasuk langkah-langkah untuk mengatasinya (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 30**) Minit Mesyuarat mengenai SULAM. Hebahan mengenai program SULAM dilakukan dalam bentuk dokumentasi di Facebook, laporan akhbar, dan kompilasi video di YouTube (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 31**) Facebook, keratan akhbar, dan video YouTube.

##### **MARK**

Dalam usaha untuk meningkatkan prestasi program, pihak PTJ sentiasa mengambil tindakan pemantauan yang berterusan berdasarkan data maklum balas yang diperolehi melalui tiga tindakan iaitu pembentangan projek, pelaksanaan bengkel dan penerapan di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, seperti butiran berikut:

- **Pembentangan Projek**

Bagi memastikan projek berjalan lancar seiring dengan keperluan semasa, pembentangan projek diadakan pada setiap sukuan. Jemputan oleh pemegang taruh juga diguna pakai sebagai tanda aras segala keperluan semasa projek.

- **Perlaksanaan bengkel**

Praktisnya, pihak Fakulti, pemegang taruh dan penaja turut menganjurkan sekurang-kurangnya 2 kali siri bengkel bagi memastikan dokumentasi projek dan progress kemajuan projek dipantau secara sistematik.

- **Penerapan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 32, 33 dan 34)**

##### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_EDU\\_4.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_EDU\\_4.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_EDU\\_4.4.3 BUKTI 3.pdf](#)

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

### AJUE

**Budaya pengurusan AJUE** menekankan etika kerja dan kualiti penulisan. Penambahbaikan dalam etika kerja mengikuti **garis panduan** yang dikeluarkan oleh **Committee on Publication Ethics (COPE) (Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 35)**. Suasana kerja yang memerlukan penyumbang artikel, penilai, dan editor untuk bekerja **mengikut garis panduan SCOPUS** telah menghasilkan tenaga kerja yang efisien dari segi pengurusan masa dan kualiti kerja. Senarai tanggungjawab editor, penilai, dan penulis diperincikan dengan jelas bagi memastikan proses penerbitan artikel berjalan lancar dan beretika (**Rujuk Bukti 1 Gambarajah 36**) Peningkatan jumlah penghantaran artikel untuk diterbitkan menunjukkan bahawa jurnal ini menjadi pilihan utama ramai penyumbang artikel.

### SULAM

Program SULAM membudayakan pengalaman pembelajaran di luar kelas serta mendekati dan memahami pelbagai lapisan masyarakat. **Budaya memberi dan berbakti kepada masyarakat** juga dapat diterapkan, nilai-nilai penting dalam melahirkan bakal guru yang berbakti kepada segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, bagi membuka lebih banyak peluang aktiviti SULAM kepada pelajar, **kursus-kursus** lain yang boleh disulamkan telah dikenalpasti. Contohnya, **kursus EDU620 Education and Society** untuk tahun 2023 (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 37**).

### MARK

Di dalam pengurusan projek MARK ini, pembudayaan yang terhasil adalah dari segi **pembudayaan konsep multidisiplin**. Pembudayaan konsep multidisiplin adalah penting dalam pengembangan bakat dan peningkatan profesionalisme di kalangan pensyarah untuk menjayakan sesuatu projek. Selain daripada itu, projek ini mengembangkan pelbagai teknik pembelajaran Matematik dan reka bentuk pembelajaran Matematik yang mengintegrasikan teknologi terkini dan pengurusan pembelajaran dalam talian, termasuk aplikasi pembelajaran imersif. (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 38**)

### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_A01\\_AB05\\_20241\\_EDU\\_4.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_A01\\_AB05\\_20242\\_EDU\\_4.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_A01\\_AB05\\_20243\\_EDU\\_4.5 BUKTI 3.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bagi memastikan kelestarian kewujudan Fakulti Pendidikan dan kejayaan perancangan aktiviti dalam **tiga projek** utama iaitu **EduSTRIKE**, **EduWHIZ**, dan **EduRICH**, perancangan rapi telah dibuat oleh pihak pengurusan Fakulti. Pengurusan sumber manusia menjadi tunjang dan asas kepada pelaksanaan dan kelangsungan pada masa hadapan. Dengan sasaran Fakulti Pendidikan UiTM sebagai pakar rujuk dan graduan daripada program-program Fakulti mencapai **Standard Guru Malaysia** seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, semua warga Fakulti, khususnya para pensyarah, memainkan peranan penting. Pihak pengurusan mengaplikasikan konsep “Perancangan (**Plan**), Pelaksanaan (**Do**), Pemantauan (**Check**), dan Penambahbaikan (**Act**)” dalam pengoperasian sumber manusia di Fakulti Pendidikan. Dalam aspek perancangan (**Plan**), Fakulti Pendidikan telah membuat perancangan jangka masa panjang dan pendek. Dalam perancangan jangka masa panjang, Fakulti sentiasa menggalakkan dan menyokong pensyarah yang belum mempunyai PhD agar menyambung pengajian mereka ke peringkat Doktor Falsafah untuk meningkatkan kesarjanaan. Sejak 2019 hingga 2022, Fakulti telah meluluskan 9 pensyarah untuk menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah, dan kebanyakan mereka telah mula melaporkan diri kepada Fakulti mulai 2023. Perancangan pengambilan staf akademik dan pentadbiran juga sentiasa dibincangkan untuk mengisi keperluan yang perlu. Sehingga 2023, Fakulti Pendidikan telah mempunyai sejumlah staf akademik dan pentadbiran yang mencukupi. Bagi perancangan jangka masa pendek atau tahunan, Fakulti Pendidikan telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik pada Januari 2023. Bengkel ini melibatkan semua warga Fakulti, dan ketetapan **PI** dan projek (**EduSTRIKE**, **EduWHIZ**, **EduRICH**) ditetapkan bersama ketua projek dan penyelaras sebagai pelaksana. Konsep “**Pendelegasian kerja**” diterapkan, di mana pihak pengurusan merancang pembahagian kerja, termasuk mewujudkan pasukan dan jawatankuasa bagi setiap projek untuk memastikan setiap orang mempunyai peranan yang jelas dan tidak membebankan pihak tertentu sahaja. Kuliah syarahan (KS) dan perancangan MyATP dijadikan panduan untuk perancangan aktiviti, dan setiap yang terlibat perlu mendaftarkan peranan mereka dalam sistem MyATP untuk penilaian tahunan. Dalam aspek pelaksanaan (**Do**), projek **EduSTRIKE**, **EduWHIZ**, dan **EduRICH**, berjaya dilaksanakan hasil kepakaran staf Fakulti Pendidikan. **Petunjuk prestasi (PI)** dalam perancangan strategik Fakulti menjadi asas rujukan utama, dengan penyelaras dan ketua projek dilantik sebagai pelaksana utama. Surat lantikan dikeluarkan kepada penyelaras, ketua projek, dan jawatankuasa yang terlibat, yang berbincang mengenai semua aspek, termasuk tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan untuk memastikan semua projek dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dalam aspek pemantauan (**Check**), pemantauan dilakukan oleh pihak pengurusan melalui mesyuarat penting Fakulti seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Jawatankuasa Risiko. Hasil perbincangan dan pemantauan ini, langkah penambahbaikan (**Act**) dicadangkan untuk memastikan isu berkaitan sumber manusia diselesaikan, dan PI yang disasarkan dapat dicapai. **Pemantauan** berterusan terhadap bilangan staf akademik dan sokongan memastikan kebajikan staf dijaga dengan baik. Permohonan rasmi telah dibuat kepada bahagian JPBSM bagi menambah pakar bidang dan sumber manusia terutama akademik (pensyarah) dan staf sokongan.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan menggunakan kaedah sumber dalaman sebagai pendekatan utama dalam mengoptimalkan pengurusan sumber manusia dalam menggerakkan kesemua **PI** dan **projek-projek inisiatif** yang telah ditetapkan. Kaedah sumber dalaman merujuk kepada strategi dan proses yang menggunakan sumber yang ada dalam organisasi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja, pembangunan, dan pengurusan bakat dalam menggerakkan dan memastikan kelangsungan projek yang ditetapkan. Pendekatan ini bermaksud kesemua penggerak dan pelaksana PI dan projek-projek yang ditetapkan adalah terdiri daripada staf akademik dan sokongan yang terdapat dalam Fakulti Pendidikan.

Pendekatan (**Approach**) ini digunakan kerana untuk menggalakkan keterlibatan (**engagement**) kesemua warga Fakulti Pendidikan sama ada staf akademik, pentadbiran dan sokongan dalam perancangan dan pelaksanaan Fakulti secara keseluruhan. Ini bermaksud fakulti memanfaatkan staf sedia ada untuk menggerakkan pengoperasian projek-perojek berkaitan pengajaran dan pembelajaran. PTJ sentiasa berkomunikasi (**communicate**) dalam menggalakkan penglibatan pensyarah dalam aktiviti-aktiviti projek pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan. Oleh demikian, Fakulti telah **melibatkan kesemua warga** dalam **Bengkel Perancangan Strategik 2023** bagi menjamin kesemua warga mengetahui dan sedar hala tuju Fakulti dan projek-projek yang ditetapkan (**BUKTI 1: Gambar rajah 1**).

Setiap tahun, pensyarah dinilai berdasarkan dua sumber utama: **(1) Data Amanah Tugas Pensyarah Mengikut Semester (ATP)** dan **(2) penilaian oleh Ketua Program atau Ketua Pusat Pengajian masing-masing (BUKTI 1: Gambar rajah 2&3)**. Setiap penglibatan pensyarah dalam aktiviti berkaitan projek-projek pengajaran dan pembelajaran ini boleh direkodkan dan menyumbang kepada markah mereka dalam **penilaian LNPT tahunan (BUKTI 1: Gambar rajah 4)**. Selain daripada itu, setiap penglibatan staf dalam projek pengajaran dan pembelajaran ini boleh **membantu mereka dalam permohonan kenaikan pangkat** bagi kesemua peringkat seperti termaktub dalam Pekeliling Akademik (Bilangan 4 Tahun 2028) (**BUKTI 2: Gambar rajah 5**). Pada Tahun 2023, seramai 7 orang staf telah berjaya dinaikkan pangkat (**BUKTI 2: Gambar rajah 6&7**). Dalam aspek pendekatan perancangan masa panjang, PTJ sentiasa menyokong dan merancang staf akademik untuk mengambil insentif dan peluang yang diberikan oleh UiTM iaitu kemudahan cuti belajar bagi menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah (**BUKTI 2: Gambar rajah 8**).

Daripada Tahun 2019 sehingga 2022, PTJ telah meluluskan seramai 9 orang pensyarah untuk menyambung pengajian diperingkat Doktor Falsafah. Sehingga tahun 2023, seramai 5 orang daripada mereka telah melaporkan diri semula dan seramai 4 orang masih status cuti belajar (**BUKTI 3: Gambar rajah 9 &10**). Dengan kembalinya staf ini semula ke Fakulti, ia telah menambahkan kesarjanaan staf tersebut.

Selain itu, Fakulti Pendidikan juga tidak pernah melupakan untuk menghargai staf-staf yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang. Pada dasarnya, PTJ akan memberikan penghargaan melalui Anugerah Perkhidmat Cemerlang (APC). Atas faktor kuota yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM, hanya seramai 6 orang penerima anugerah telah dikurniakan bagi tahun 2023 (**Rujuk BUKTI 4: Gambar Rajah 11**). Sebagai langkah inisiatif dan inovatif Fakulti dalam menghargai warga Pendidikan yang telah berjaya menjayakan projek-projek yang dirancang, pihak Fakulti telah menganjurkan Majlis Apresiasi Staf bagi Tahun 2024 bagi menghargai penglibatan warga bagi tahun 2023. Majlis ini diadakan bagi menghargai kesemua warga khususnya mereka yang telah menggerakkan projek-projek inisiatif pengajaran dan pembelajaran yang dirancang secara langsung atau tidak langsung. (**Rujuk BUKTI 4: Gambar Rajah 12&13**)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_S01\\_SB02\\_20241\\_EDU\\_5.2 BUKTI 1.pdf](#)

2. [F0034\\_S01\\_SB02\\_20243\\_EDU\\_5.2\\_BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_S01\\_SB02\\_20243\\_EDU\\_5.2\\_BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_S01\\_SB02\\_20244\\_EDU\\_5.2\\_BUKTI 4.pdf](#)
- 5.

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti Pendidikan sentiasa mengambil pendekatan yang proaktif dalam memastikan keserjanaan staf akademiknya diperluaskan (**Deployment**) dari segi kepakaran dan sumber tenaga yang ada dikenali di peringkat UiTM dan masyarakat sama ada daripada dalam mahu pun luar negara. Sebagai langkah awal dalam memperluaskan **kepakaran** dan **keserjanaan** para pensyarah berkaitan **pengajaran, pembelajaran**, Fakulti memastikan terdapat maklumat dan kepakaran staf dalam UiTM Expert dan laman sesawang (website) Fakulti Pendidikan. (**RUJUK BUKTI 1: Gambar rajah 14**) dan laman web Fakulti Pendidikan (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 15**). Kesemua maklumat ini akan sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa bagi memastikan keperluan perkhidmatan dapat dicari oleh pihak luar.

Selain itu, matlamat projek **EduRICH** adalah **keternampakan (visibility)** pakar-pakar daripada staf akademik Fakulti Pendidikan di media massa. Untuk Tahun 2023, PM Ts. Dr Roslinda Alias dan Dr. Fatin Aliana telah dijemput ke rancangan Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM bagi membincangkan aspek pendidikan inklusif dan isu pendidikan semasa (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 16&17**). Dr. Sharifah Muzlia Syed Mustafa daripada Jabatan Pendidikan turut diminta pandangan tentang keberkesanan Kempen Tangani Buli dalam slot Berita BERNAMA (**Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 18**). Staf akademik juga turut diminta pandangan dalam akhbar semasa. Prof Dr. Sharipah Ruzaina telah diminta mengupas isu pendidikan STEM dalam Sinar Harian bertarikh 21 Ogos 2023 (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 19**). **Kepakaran** warga pendidikan Fakulti Pendidikan dalam menyalurkan dan **memperluaskan ilmu** juga turut **diiktiraf di peringkat antarabangsa**. Ini apabila terdapat pensyarah telah dilantik untuk **berkongsi kepakaran sebagai penceramah utama, penceramah, "featured speaker" dan fasilitator**. (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 20, 21&22**). Jemputan sebagai penceramah dijalankan secara fizikal (bersemuka) dalam sidang konferensi mahupun secara webinar (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 23&24**).

Hasil daripada projek **EduSTRIKE** iaitu menjalinkan hubungan usaha sama antara Fakulti Pendidikan bersama industri dan rakan strategik, ia **memperluaskan lagi kepakaran** dan **nilai tambah pensyarah**. Sebagai contoh, Fakulti Pendidikan telah menandatangani perjanjian MOU bersama Fakultas Matematika dan Pengajian Alam, Universitas Negeri Semarang, Indonesia (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 25**). Tujuan utama perjanjian ini adalah untuk berkongsi kepakaran dan keserjanaan dalam bidang STEM. Aktiviti-aktiviti dan perkongsian telah berjaya dibuat sepanjang tahun 2023 (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 26&27**). Selain itu, Fakulti Pendidikan telah berjaya menandatangani MOA bersama Yayasan Maybank bagi projek Mathematics for Rural Kids (MARK) (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 28**). Tujuan projek ini adalah untuk membangunkan aplikasi meningkatkan penguasaan Matematik dikalangan pelajar bandar. Fakulti Pendidikan telah berjaya membangunkan aplikasi tersebut dan telah menjalankan aktiviti bersama pelajar (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 29**). **Penglibatan bersama komuniti** juga telah **menyebarkan keserjanaan** warga Fakulti dalam pendidikan.

**Projek ArtSmart (EduRICH)** telah diluluskan (**Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 30**) dengan bermatlamatkan perkongsian dan memartabatkan warga terpinggir khususnya komuniti orang asli (**Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 31**). Projek ini melibatkan warga Fakulti termasuk pensyarah yang membuat perkongsian terus kepada pelajar dan murid (**Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 32& 33**). **Perkongsian** bukan sahaja melibatkan akademik, bahkan para murid, pelajar dan komuniti yang terlibat **berkaitan Fakulti Pendidikan dan UiTM secara amnya** (**Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 34**).

#### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_S01\\_SB03\\_20241\\_EDU\\_5.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_S01\\_SB03\\_20242\\_EDU\\_5.3 BUKTI 2.pdf](#)

3. [F0034\\_S01\\_SB03\\_20243\\_EDU\\_5.3\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_S01\\_SB03\\_20244\\_EDU\\_5.3\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
5. [F0034\\_S01\\_SB03\\_20245\\_EDU\\_5.3\\_BUKTI\\_5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan integriti dan pemantauan (**check**) sumber manusia dalam kalangan staf Fakulti, pihak PTJ telah mengarahkan agar mewujudkan platform maklumbalas pelanggan melalui atas talian (<https://forms.gle/8AS85nFxWuQE5BR7>) (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 35**). Maklum balas ini menjadi saluran yang penting bagi memastikan semua staf memainkan peranan dan kewajiban mereka khususnya menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Sejak ia dibina pada tahun 2022, tiada aduan yang diadakan berkaitan staf Fakulti.

Selain itu, Fakulti Pendidikan sangat menitikberatkan kebajikan kesemua staf samada akademik mahupun pentadbiran. Oleh itu, **pemantauan happiness index** secara berkala staf secara keseluruhannya amat penting bagi menjamin kualiti dan mutu kerja staf. Bagi Tahun **2023**, pelaksanaan Happiness Index ini dijalankan di semua jabatan, fakulti dan kampus cawangan di seluruh Malaysia (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 36**). Secara keseluruhannya, tahap happiness index bagi semua warga UiTM agak baik apabila mencatatkan melebihi 70% dalam keempat-empat fasa penilaian (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 37**). Fakulti Pendidikan mencatatkan peratusan yang hampir sama apabila menunjukkan peratusan 70% dan ke atas pada tiap fasa (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 38**). Jika dibandingkan tahap kepuasan di antara staf akademik dan pentadbiran, angka tersebut juga mencatatkan hampir sama iaitu sebanyak 70% dan 72% (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 39**). Ini menggambarkan staf Fakulti Pendidikan berpuas hati secara keseluruhannya dan diterjemahkan juga dalam indeks kegembiraan yang agak baik juga melebihi 70% untuk setiap fasa (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 40**). Selain daripada pemantauan kebajikan, kegembiraan dan kepuasan staf dalam melaksanakan tugas mereka, pihak Fakulti Pendidikan juga membuat **pemantauan hasil kerja** mengikut fasa pelaksanaan. Pemantauan ini dijalankan berteraskan SAP yang ditetapkan (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 41**).

Setiap projek akan diseliasa rapi, disemak semula dan perbincangan SAP ini dibuat secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 42**). Mitigasi atau cadangan akan dicadangkan bagi memastikan pelaksana projek dan tugas dapat menyelesaikan tugas tersebut dalam keadaan yang berkualiti dan berpuas hati. Mitigasi dan pemantauan ini amat penting bagi memastikan, kebajikan staf terjamin dan dalam masa yang sama kesemua PI dan perancangan projek **EduSTRIKE**, **EduWHIZ**, dan **EduRICH**, dapat direalisasikan dan dicapai dengan persekitaran pekerjaan yang kondusif dan harmoni.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_EDU\\_5.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_EDU\\_5.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20243\\_EDU\\_5.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.



## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Skop pengurusan risiko (**Act**) dalam pengurusan sumber manusia berteraskan indeks prestasi dan kepuasan bekerja. Ini merupakan antara aspek utama tumpuan pihak pengurusan Fakulti agar penambahbaikan dapat dilaksanakan dari masa ke masa. Selain melihat aspek pencapaian PI dan pelaksanaan projek harus dilaksanakan, sudah menjadi tanggungjawab PTJ untuk memastikan sumber manusia yang melaksanakan mampu menyelesaikan tugas yang diberikan dari masa ke semasa tanpa melupakan kepuasan bekerja.

Justeru itu, Fakulti Pendidikan menggunakan **Garis Panduan Pengurusan Risiko (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 43)** dalam aspek pengurusan risiko projek. Mengenal pasti risiko yang bakal dihadapi amat penting sebelum melaksanakan projek yang akan dilaksanakan. Justeru itu, **perbincangan dan penilaian risiko** bagi setiap projek **dinilai dan dibincangkan sewaktu perancangan strategik (Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 44,45&46)**. Sebagai langkah strategi kawalan, Fakulti telah menggunakan skop bidang tugas yang telah ditetapkan UiTM dan membuat sedikit penambahbaikan bermula daripada pegawai pelulus sehingga ke ahli kumpulan. Ini bagi menjamin sebarang risiko berkaitan sumber manusia dalam menjayakan projek-projek ini dalam kawalan Fakulti.

Implikasi daripada perbincangan tersebut, ia membawa kepada **Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Fakulti** dan seterusnya **mendaftarkan risiko-risiko ini dalam sistem e-RMS**. Segala isu berkaitan risiko akan disemak dari masa ke semasa bersama pemantauan PI dan projek dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) memandangkan Koordinator Risiko Fakulti adalah ahli turut hadir bagi jawatankuasa MPE.

Hasil daripada analisa ini, Fakulti Pendidikan mengenalpasti risiko yang dihadapi dan memberi indikator kepada Fakulti untuk membuat persiapan terutama persiapan pengurusan sumber manusia (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 47,48&49**). Sebagai langkah pencegahan, **pemantauan yang berkala iaitu hampir 3 bulan sekali** dijalankan melalui mesyuarat MPE bagi memastikan risiko ini tidak mengganggu perjalanan Fakulti.

Memandangkan Fakulti Pendidikan **mempunyai staf yang terhad** (60 orang staf akademik), pihak Fakulti terpaksa **memohon PTFT dan lebih masa bagi mengisi kekosongan sumber** yang terdapat dalam Fakulti (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 50&51**). Selain itu, **kompetensi pensyarah baru (kurang 5 tahun)** juga diambil kira bagi menjamin kelestarian dan produktiviti kerja yang mapan pada masa akan datang. Oleh itu, bagi memastikan pensyarah-pensyarah baru ini mendapat bimbingan yang baik, PTJ telah menetapkan sistem **pementoran diantara pensyarah baru dan berpengalaman (Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 52)**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_EDU\\_5.4.2\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_EDU\\_5.4.2\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20243\\_EDU\\_5.4.2\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20244\\_EDU\\_5.4.2\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
5. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20245\\_EDU\\_5.4.2\\_BUKTI\\_5.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan mutu produktiviti dan persekitaran kerja kondusif yang tinggi diberikan oleh para staf Fakulti Pendidikan, adalah penting untuk mengambil input, mengkaji semula dan seterusnya membuat penambahbaikan (**Act**). PTJ Fakulti Pendidikan memastikan mesyuarat bersama kesemua staf akan diadakan sekurang-kurang 2 kali setahun. Mesyuarat ini adalah medium komunikasi penyebaran maklumat, maklumbalas staf, perbincangan dan refleksi bagi meningkatkan produktiviti kerja staf Fakulti. Pada perjumpaan mesyuarat 22 Ogos 2023 (**Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 53**), terdapat antara **tiga isu** yang berkait dengan nilai mutu kerja staf iaitu **insentif penerbitan, fasiliti yang terdapat di Fakulti Pendidikan dan kompetensi pensyarah** terutama pensyarah baru. Terdapat staf yang memberikan cadangan agar insentif penerbitan dapat diberikan bagi penerbitan selain daripada pilihan membuat pembentangan kertas kerja. Selain itu, staf juga membuat aduan berkaitan fasiliti khususnya fasiliti berkaitan pengajaran dan pembelajaran yang tidak memuaskan sekian lama. Ini juga dapat digambarkan dalam indeks kegirangan (Happiness Index) staf berkaitan fasiliti dan infrastruktur yang menunjukkan peratusan yang paling terendah diantara kesemua domain lain yang dinilai (**Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 54**).

Sebagai inisiatif Fakulti, pihak pengurusan telah bersetuju untuk **memberikan insentif sebanyak RM1500 kepada kesemua staf akademik setiap tahun** selepas ini tidak mengira samada untuk pembentangan kertas kerja mahupun penerbitan (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 55**). Melalui inisiatif ini, impaknya dapat dilihat melalui peningkatan kemajuan PI penerbitan Fakulti daripada bulan September ke Disember 2023 (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 56&57**).

Bagi isu penambahbaikan fasiliti yang terdapat di Fakulti Pendidikan, pihak pengurusan telah mengambil langkah proaktif dalam **menaik taraf fasiliti dengan meluluskan budget sebanyak RM 428,910 di Mesyuarat Akaun Amanah daripada Tabung Amanah Am Fakulti sendiri** bagi menjamin kesemua staf dapat bekerja dengan keadaan yang kondusif (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 58**).

Bagi tindakan kompetensi pensyarah khususnya staf baru, Fakulti telah mengambil inisiatif dengan mengadakan **bengkel latihan seperti Latihan OBE (Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 59)** bagi memastikan mereka ini mahir berkaitan pengajaran dan pembelajaran di UiTM. Selain itu, dengan memastikan kelestarian Fakulti dengan misi yang sama, **program mentor-mentee telah diwujudkan buat pensyarah baru (kurang 5 tahun) (Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 60)**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_EDU\\_5.4.3\\_BUKTI\\_1.pdf](#)
2. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_EDU\\_5.4.3\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
3. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20243\\_EDU\\_5.4.3\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
4. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20244\\_EDU\\_5.4.3\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
5. [F0034\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20245\\_EDU\\_5.4.3\\_BUKTI\\_5.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi (Integration) yang dilaksanakan oleh fakulti adalah berteraskan **Dasar Kualiti Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)** untuk peringkat UiTM (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 61), **Standard Guru Malaysia 2.0** (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 62) untuk peringkat kebangsaan dan **Kerangka Standard Pengajaran Global (UNESCO, 2019)** (Rujuk BUKTI 1: Gambar rajah 63) bagi peringkat global. Berdasarkan tiga dasar utama tersebut, Fakulti Pendidikan berusaha melahirkan graduan yang berkualiti tinggi melalui pendekatan berterusan dalam penambahbaikan akademik, mengikut standard guru yang komprehensif, dan selaras dengan piawai global dalam pengajaran. Ini memastikan para pendidik bukan sahaja memiliki kemahiran dan pengetahuan yang mendalam, tetapi juga mampu membina hubungan yang kuat dengan komuniti dan industri, serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Fakulti Pendidikan telah mengambil langkah-langkah strategik dalam memperkukuhkan medium penyebar luas **pembudayaan amalan kerja yang baik** dan **inovasi dalam pengajaran**. Dalam usaha menghasilkan siswazah yang berketerampilan dan memenuhi standard guru global, fakulti memastikan pensyarah yang mengajar adalah kompeten dan berupaya melahirkan graduan terbaik. Fakulti menekankan pembudayaan teknologi dan inovasi dalam pengajaran sebagai pendekatan utama, dengan memperkenalkan sistem aplikasi **eREC pada tahun 2022** (Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 64) untuk **mengurangkan beban kerja dan masa pengurusan dalam proses penilaian pelajar**. Pada tahun 2023, sistem ini telah dinaiktaraf kepada **i-EDU** iaitu sistem yang **lebih komprehensif** meliputi bukan sahaja untuk **permohonan REC penyelidikan**, bahkan bertujuan **pentaksiran praktikum** dan **projek akhir secara atas talian**. Sistem ini boleh menjadi sebagai model operasi yang boleh diadaptasi kepada seluruh sistem UiTM (Rujuk BUKTI 2: Gambar rajah 65).

Selain itu, fakulti juga **menekankan amalan kerja yang baik** dengan menggalakkan produktiviti unggul dalam kalangan pensyarah. Pencapaian yang baik dalam melaksanakan projek-projek dan mencapai Petunjuk Prestasi (PI) yang disasarkan turut dinilai dalam penilaian tahunan, memberi **peluang kenaikan pangkat** seperti yang terbukti pada tahun 2023, di mana **7 orang staf berjaya dinaikkan gred**. Dengan menjadikan **Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia UiTM (2021-2025)** sebagai panduan utama (Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 66) dalam memastikan kebajikan dan kompetensi para staf dalam Fakulti Pendidikan di tahap yang terbaik. Pembudayaan kerja yang baik seiring dengan ganjaran yang setimpal. Fakulti mengiktiraf pencapaian ini dengan mencalonkan staf untuk **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** dan mengadakan Majlis Apresiasi tahunan, sebagai tanda penghargaan kepada staf yang menyumbang kepada kejayaan inisiatif pengajaran dan pembelajaran seperti EDUrich, EDUwhiz, dan EDUstrike. Seramai **8 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** telah diberikan pada Tahun 2023 (Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 67). Manakala untuk tambahan menghargai para staf yang berdedikasi, Fakulti Pendidikan telah mengadakan Majlis Apresiasi Staf 2023 (Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 68) bagi menghargai semua staf yang telah menunjukkan daya saing kerja yang cemerlang sepanjang Tahun 2023. Sebanyak **26 penerima anugerah** dalam **Majlis Apresiasi Staf 2023** diberikan **wang tunai diantara RM100-RM200** atas usaha dan daya kesungguhan kerja yang baik (Rujuk BUKTI 5: Gambar rajah 69).

### SENARAI BUKTI :

1. [F0034\\_S01\\_SB05\\_20241\\_EDU\\_5.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_S01\\_SB05\\_20242\\_EDU\\_5.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_S01\\_SB05\\_20243\\_EDU\\_5.5 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034\\_S01\\_SB05\\_20244\\_EDU\\_5.5 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034\\_S01\\_SB05\\_20245\\_EDU\\_5.5 BUKTI 5.pdf](#)



## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan (FPend) komited dalam memastikan kesemua perancangan dan perjalanan aktiviti fakulti terutamanya bagi bidang **Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)** adalah mematuhi **kriteria kecemerlangan prestasi model Baldrige**. Ini bertujuan untuk memastikan prosedur pengurusan operasi yang efektif bagi menjamin kecemerlangan dan meningkatkan daya saing Fakulti Pendidikan. **Kerangka ADLI (Approach, Deployment, Learning & Integration)** adalah 4 faktor yang digunapakai bagi menilai kekuatan dan peluang penambahbaikan proses di FPend.

Bahagian ini memberi tumpuan kepada kekuatan dan penambahbaikan proses operasi bidang P&P yang merupakan 'core business' atau perkhidmatan teras Fakulti Pendidikan. Fokus penulisan ini adalah bagi mengetengahkan inisiatif-inisiatif P&P yang menonjolkan peranan warga Fakulti Pendidikan melangkaui ruang lingkup kampus iaitu melalui satu inisiatif lokal dan satu inisiatif antarabangsa (**Plan**). Ini adalah selaras dengan aspirasi UiTM iaitu "globally renowned, locally rooted" yang berpasakkan kepada 3 teras strategik di mana dua daripadanya adalah 'pendidikan berkualiti' dan 'kecemerlangan global'. Bagi membincangkan skop Operasi, 2 inisiatif khusus di bawah projek utama Fakulti Pendidikan telah dipilih iaitu:

1. **EDU STRIKE** : MoA Mathematics for Rural Kids (MARK) di antara Fakulti Pendidikan dan Maybank Foundation, (**inisiatif lokal**).
2. **EDU RICH**: Persidangan International Conference on Multidisciplinary Research and Development ICMRD-2023 bersama Tamil Nadu Teachers Education University, India (TNTEU), (**inisiatif antarabangsa**).

Pengoperasian inisiatif ini dilaksanakan dengan penglibatan peringkat fakulti hingga ke peringkat antarabangsa melibatkan pelajar, pensyarah Fakulti Pendidikan, komuniti dan organisasi luar yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam bidang pendidikan (**Do**).

Inisiatif MoA Mathematics for Rural Kids (MARK) di antara Fakulti Pendidikan dan Maybank Foundation melibatkan penawaran pakej pembelajaran tuisyen Matematik atas talian yang bersifat mobil dan imersif dengan kos penyelenggaraan yang rendah supaya mudah digunapakai untuk pelajar-pelajar di kawasan kemiskinan tegar. Projek ini melibatkan beberapa pihak iaitu penaja utama Maybank Foundation, Yayasan Pelajaran MARA, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi daerah yang telah dikenalpasti merangkumi kawasan yang mencatat pelajar luar bandar dalam kumpulan miskin tegar yang tinggi. Projek MARK ini melibatkan sumbangan kepakaran dari kalangan pensyarah pelbagai bidang dan juga sukarelawan dari kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Inisiatif Persidangan International Conference on Multidisciplinary Research and Development ICMRD-2023 bersama Tamil Nadu Teachers Education University, India (TNTEU) pula merupakan hasil kerjasama antarabangsa yang menyediakan platform untuk penyelidik, sarjana, pengamal dan profesional industri untuk bertukar-tukar idea, berkongsi pandangan, dan bekerjasama dalam projek penyelidikan dan pembangunan antara disiplin.

Bagi memastikan inisiatif ini berlangsung dengan jayanya, aktiviti pemantauan (**Check**) di laksanakan. Lantikan penyelaras yang berkomited dan berdedikasi amat penting bagi memastikan setiap inisiatif dilaksanakan dengan sempurna. Lantikan di peringkat Fakulti Pendidikan dan rakan kerjasama antarabangsa membuahakan komitmen dan komunikasi yang berkesan dengan pelanggan yang berurusan. Bagi tindakan penambahbaikan (**Act**), kedua-dua inisiatif ini diukur berdasarkan risiko dan cadangan yang dianalisa dan penambahbaikan dibina dari cadangan yang telah diberikan. Penambahbaikan untuk kesemua inisiatif ini bermula dari maklumbalas peserta yang menyertai, penyelaras dan ahli jawatankuasa yang ditubuhkan. Penambahbaikan yang dicadangkan oleh semua peserta dan organisasi ini membuktikan

adanya komunikasi yang baik serta **sistem pengoperasian** yang bertanggungjawab (**accountable**) serta diperkasakan (**empowerment**) untuk program akan datang.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan telah berjaya menjalankan 2 inisiatif iaitu **EduSTRIKE : MoA Mathematics for Rural Kids (MARK)** di antara Fakulti Pendidikan dan Maybank Foundation, **EduRICH: Persidangan International Conference on Multidisciplinary Research and Development ICMRD-2023 bersama Tamil Nadu Teachers Education University, India (TNTEU)**. Matlamat bersama kedua-dua inisiatif ini adalah untuk meningkatkan amalan pedagogi dan membina komuniti pembelajaran dalam kalangan pelajar, staf akademik, staf pentadbiran dan pemegang taruh serta amalan pendekatan penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*) (**Rujuk BUKTI 1: Carta 1**).

Objektif utama inisiatif-inisiatif tersebut adalah untuk menonjolkan bakat dari kalangan warga Fakulti Pendidikan di luar lingkup kampus, menggalakkan kerjasama di antara bakat fakulti dan pemegang taruh industri, menyediakan peluang pembangunan profesional (**warga fakulti sebagai pakar rujuk**) dan menggalakkan **pembinaan rangkaian** di antara bakat fakulti dan dunia korporat (Maybank) serta rakan akademik antarabangsa (TNTEU). Jawatankuasa perancangan dan penggerak yang terdiri daripada gabungan warga akademik dan pentadbiran Fakulti Pendidikan, pelajar, dan wakil-wakil pemegang taruh terlibat secara langsung dalam merancang, dan pengemudian setiap inisiatif sehingga berjaya (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 1**). Petunjuk prestasi utama (KPI) termasuk tahap penglibatan, kualiti program, dan kepuasan peserta yang terlibat.

Inisiatif pertama iaitu **EduSTRIKE: MoA Mathematics for Rural Kids (MARK)** di antara Fakulti Pendidikan dan Maybank Foundation bermula sebagai inisiatif dari pihak UiTM bersama Pejabat Komuniti dan Jaringan Universiti (PJI) dan PJI Fakulti Pendidikan pada tahun 2020, apabila negara dilanda wabak Covid-19. Program bertitik tolak sebagai tuisyen dalam talian percuma untuk komuniti (Projek Tuisyen Rakyat - PTR) yang menasasarkan kumpulan pelajar miskin tegar di bandar yang ketinggalan dalam pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PDPR). PTR pada mulanya menawarkan kelas tuisyen percuma yang meliputi semua subjek yang didaftarkan untuk peperiksaan SPM. Walau bagaimanapun PTR ini tergendala buat sementara atas kekangan kewangan dan pelaksanaan disebabkan oleh perintah larangan merentas kawasan dan negeri pada ketika itu. PTR kemudiannya telah menarik perhatian pihak Maybank Foundation selaku penaja. Namun fokus Maybank Foundation adalah tertumpu kepada pemerksaan subjek Matematik untuk golongan bumiputera di luar bandar yang ditawarkan dalam dua bentuk pakej pembelajaran (**online dan offline**) (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 2**). Projek dijenamakan semula sebagai Mathematics for Rural Kids (MARK) dan diperkasakan dengan inisiatif MoA jalinan usahasama di antara Fakulti Pendidikan dan Maybank Foundation (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3**).

Inisiatif kedua iaitu **EduRICH: Persidangan - International Conference on Multidisciplinary Research and Development (ICMRD-2023)** atau **Persidangan Antarabangsa Penyelidikan dan Pembangunan Pelbagai Disiplin (ICMRD-2023)** adalah hasil kerjasama antarabangsa yang termeterai di antara UiTM, Malaysia dan Tamil Nadu Teachers Education University (TNTEU), India. TNTEU telah menandatangani MoU dengan UiTM pada 2021 dan telah memutuskan untuk penganjuran bersama persidangan ini beberapa minggu sebelum tarikh persidangan (**Rujuk BUKTI 4: Gambar rajah 4**). Sementara itu, ESN Publications, India (ESN) juga telah menandatangani MoA dengan UiTM untuk persidangan ini dipimpin oleh Dr. Geethanjali Narayanan (**Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 5**). Pengalaman Fakulti Pendidikan, UiTM bekerjasama dalam penganjuran ICMRD-2023 dengan kedua-dua organisasi, TNTEU dan ESN buat kali pertama secara bersemuka merupakan pengalaman kolaborasi antarabangsa yang berharga bagi UiTM.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034 O01 OB02 20241 EDU 6.2 BUKTI 1.pdf](#)

- 
2. [F0034\\_O01\\_OB02\\_20242\\_EDU\\_6.2\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
  3. [F0034\\_O01\\_OB02\\_20243\\_EDU\\_6.2\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
  4. [F0034\\_O01\\_OB02\\_20244\\_EDU\\_6.2\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
  5. [F0034\\_O01\\_OB02\\_20245\\_EDU\\_6.2\\_BUKTI\\_5.pdf](#)



### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif pertama, **MoA Mathematics for Rural Kids (MARK) 1.0**, merupakan langkah awal dalam menawarkan pakej pembelajaran tuisyen Matematik atas talian yang mobil dan imersif. Projek ini melibatkan pelbagai pihak seperti Maybank Foundation, Yayasan Pelajaran MARA, Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), sekolah, dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) di kawasan dengan pelajar luar bandar yang miskin tegar (**Plan**). Barisan kepakaran dan pelajar dilantik untuk menjayakan projek ini.

Projek bermula dengan kajian rintis untuk mengenalpasti keperluan, diikuti dengan pembangunan platform pembelajaran multimedia imersif untuk pelajar yang mengalami keciciran dalam pembelajaran atas talian (**Do**). Pembangunan ini melibatkan kepakaran konten, multimedia, sistem pengurusan pembelajaran (LMS), dan reka bentuk pembelajaran imersif. Prototip ini kemudian ditambah baik dalam Projek MARK 2.0 pada Ogos 2023, dengan kajian lapangan yang sedang dijalankan (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 6**). Penambahbaikan berterusan akan diteruskan dalam Projek MARK 3.0 yang dijadualkan pada April 2024 (**Check**).

Kepercayaan tinggi dari pihak industri menunjukkan kualiti kerja yang berimpak dan inovasi yang dirangka secara sistematik oleh semua pihak di Fakulti Pendidikan, termasuk sokongan penuh dari pengurusan. Projek ini adalah sumbangan kepakaran pensyarah dari pelbagai bidang kepada pelajar luar bandar yang miskin tegar. Konsep "bilik darjah ke bilik darjah" membolehkan pelajar tersebut menikmati tuisyen percuma dan kit pembelajaran offline dan online (**Action**).

Inisiatif kedua, **International Conference on Multidisciplinary Research and Development (ICMRD-2023)**, diadakan dari 13 hingga 15 September 2023 (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 7**). Poster ICMRD-2023 menunjukkan jawatankuasa perancangan memantau semua aktiviti. Jemputan dihantar kepada pendidik, pelajar, dan rakan kongsi dalam sektor pendidikan (Plan). Hari pertama persidangan berlangsung di kampus Puncak Alam, hari kedua di ibis Hotel KLCC, dan hari ketiga secara dalam talian (**Do**).

Persidangan ini dianjurkan bersama oleh ESN Publications, Tamil Nadu Teachers Education University (TNTEU), dan Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia (UiTM). Ia menjadi platform untuk penyelidik dan profesional industri bertukar idea dan bekerjasama dalam projek penyelidikan dan pembangunan antara disiplin. Pelaksanaan persidangan dipantau dengan teliti, memastikan peralihan lancar antara sesi dan menyelesaikan isu teknikal (**Check**). Terdapat perbincangan dengan wakil TNTEU mengenai hala tuju dan aktiviti tahun depan di ibis KLCC (Action), termasuk mobiliti kakitangan dan pelajar serta kerjasama penyelidikan.

Aspek perluasan menerangkan proses memperkenalkan penyelesaian/platform terkini kepada organisasi secara terkoordinasi. Kejayaan perluasan bergantung kepada perancangan dan pemantauan yang baik serta komunikasi yang efisien dalam Fakulti Pendidikan. Komunikasi sistematik adalah penting untuk memastikan pemahaman konsisten mengenai inisiatif di kalangan warga Fakulti Pendidikan.

Gerak kerja promosi ICMRD-2023 dijalankan melalui pelbagai platform, termasuk bahan hebahan/poster melalui email rasmi FPend, laman Facebook, dan siaran langsung UFM UiTM radio (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 8**). Penggunaan platform atas talian membuka ruang kepada peserta lokal dan antarabangsa. Nilai tambah ICMRD-2023 termasuk lima pembentang ucap tama dari Malaysia dan India untuk berkongsi pengetahuan terkini (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 9**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034 O01 OB03 20241 EDU 6.3 BUKTI 1.pdf](#)

- 
2. [F0034\\_O01\\_OB03\\_20242\\_EDU\\_6.3\\_BUKTI\\_2.pdf](#)
  3. [F0034\\_O01\\_OB03\\_20243\\_EDU\\_6.3\\_BUKTI\\_3.pdf](#)
  4. [F0034\\_O01\\_OB03\\_20244\\_EDU\\_6.3\\_BUKTI\\_4.pdf](#)
  - 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Inisiatif **MARK** bukan hanya sekadar program percuma tuisyen percuma (**P&P**) yang disumbangkan dari Fakulti Pendidikan kepada kumpulan sasaran ianya adalah wadah simulasi kepada tugas sebenar seorang guru serba boleh yang berkeupayaan mengajar di mana jua sekaligus berjaya meningkatkan kemahiran/repertoir pengajaran dan pembelajaran. Beberapa siri bengkel telah diadakan bagi pembinaan sistem, kit pembelajaran dan latihan bagi jurulatih/guru tuisyen (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 10**) Sesi Bengkel MARK. Kumpulan sasar yang terdiri daripada pelajar sekolah golongan miskin tegar bukan sahaja diberikan program tuisyen percuma yang lengkap bersama kit pembelajaran, pada masa yang sama juga dapat menikmati bantuan kewangan biasiswa dan peluang menyambung pengajian di MRSM dan universiti tempatan. Ganjaran yang ditawarkan kepada kumpulan sasaran pelajar yang dipilih di bawah projek MARK ialah diberi galakkan/bantuan berterusan bagi menjamin kesinambungan kejayaan akademik ke dalam peningkatan taraf hidup pada masa akan datang.

Perjalanan aktiviti persidangan **ICMRD-2023** adalah dipantau secara berkala melalui beberapa siri mesyuarat persediaan (**Rujuk BUKTI 2: Rujuk Gambar rajah 11**) Minit Mesyuarat ICMRD-2023 dan juga gerak kerja terperinci pada kedua-dua hari persidangan (**Rujuk BUKTI 3: Gambar rajah 12**) Gerak Kerja ICMRD-2023. Pembahagian tugas pada hari persidangan adalah berkonsepkan jalinan perkongsian bijak (smart partnership) dengan AJK UiTM yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk hari pertama, manakala AJK TNTEU pula memikul tugas untuk hari kedua. Pertemuan mesyuarat ini adalah penting bagi melancarkan persiapan aktiviti dan seterusnya persidangan ICMRD-2023 dapat dijalankan dengan efektif dan berkesan.

Usaha pemantauan untuk dua inisiatif yang dinyatakan merangkumi usaha yang melibatkan komunikasi yang efisien antara staf, pelajar, serta komuniti berteraskan teknologi mesyuarat atas talian, maklumbalas dan platform komunikasi digital (WhatsApp).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_EDU\\_6.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_EDU\\_6.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20243\\_EDU\\_6.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**Sistem pengurusan kualiti ISO** mentakrifkan risiko sebagai perkara yang berlaku diluar jangkaan. FPend sebagai sebuah organisasi mampu berfungsi dengan lebih cekap melalui pengurusan risiko yang berkesan. Bahagian ini tertumpu kepada pengenalpastian risiko bagi kedua inisiatif yang telah dibincangkan seperti di atas iaitu program **MARK dan ICMRD-2023**.

Di antara langkah yang telah dilaksanakan Fakulti Pendidikan bagi menangani risiko pengurusan adalah menerusi sokongan dan bantuan yang diberi secara berterusan kepada semua pihak yang terlibat bagi memastikan projek MARK dapat berjalan lancar. Penyaluran maklumat terkini bagi pihak terlibat adalah melalui aplikasi komunikasi WhatsApp supaya tiada yang ketinggalan (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 13**) Komunikasi WhatsApp Perbincangan MARK. Walau bagaimanapun kekangan sumber seperti pakar, pertukaran proses dalam tatacara pengendalian piawai (standard operating procedure) dan polisi pengurusan, dan perbezaan misi projek di peringkat pemegang taruh projek ini. Dalam menangani risiko operasi pula, operasi projek **MARK** melibatkan komitmen pelbagai pihak, perubahan pada kekangan sumber seperti kepakaran, sumber manusia, kewangan, logistik dan kestabilan pembelajaran atas talian adalah risiko yang dikenalpasti dalam memastikan projek dapat berjalan dengan lancar.

Antara risiko dalam inisiatif **ICMRD-2023** adalah untuk memastikan setiap kategori pertandingan mempunyai penyertaan yang memberangsangkan. Untuk memastikan inisiatif ICMRD-2023 ini mencapai target yang telah ditetapkan, beberapa siri promosi dijalankan di setiap platform seperti promosi bersemuka, email kepada peserta/organisasi yang berpotensi di dalam dan luar negara serta menggunakan platform penyiaran radio UiTM untuk hebahan. Risiko kekurangan peserta ini diminimalkan sehingga ke hari persidangan seramai 24 pembentang telah berjaya melakukan pembentangan dan 26 penerbitan berjaya diserahkan untuk persidangan ini (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 14**) Senarai Pembentang dan Hasil Penerbitan ICMRD-2023. Risiko juga wujud dalam komunikasi ketika fasa persediaan bersama TNTEU, India yang berada di dalam zon waktu yang berlainan dengan pihak UiTM di Malaysia. Solusi kepada masalah ini adalah sesi mesyuarat/perbincangan secara dalam talian (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 15**) Komunikasi WhatsApp Perbincangan ICMRD-2023.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_EDU\\_6.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_EDU\\_6.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20243\\_EDU\\_6.4.2 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam pengurusan sistem kualiti yang berkesan, setelah risiko dikenalpasti, tumpuan operasi perlu dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Hasil penganalisaan kemudiannya di ambil tindakan dengan efisien dan efektif untuk dikongsi dengan semua jabatan dalam Fakulti Pendidikan bagi memastikan tumpuan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Bagi perspektif **inisiatif MARK**, Pembentangan projek harus dijadualkan secara berkala bagi memastikan projek berjalan lancar seiring dengan keperluan semasa. Pembentangan projek diadakan pada setiap sukuan bagi mengenalpasti permasalahan dan juga memungkinan tindakan mitigasi risiko yang pantas. Jemputan mesyuarat/perbincangan oleh pemegang taruh juga diguna pakai sebagai tanda aras segala keperluan semasa projek (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 16**) Sesi Mesyuarat bersama Pemegang Taruh.

Pelaksanaan bengkel juga diamati dan secara praktisnya, pihak Fakulti Pendidikan, pemegang taruh dan penaja turut menganjurkan sekurang-kurangnya 2 kali siri bengkel bagi memastikan dokumentasi projek dan progress kemajuan projek dipantau secara sistematik (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 17**) Bengkel Pembinaan Modul MARK.

**Persidangan ICMRD-2023** melalui detik genting apabila terdapat perubahan pada tentatif program pada hari kejadian. AJK bertugas telah bergerak pantas menyalurkan maklumat terkini kepada semua peserta persidangan dan aktiviti persidangan tetap berlangsung dengan amat baik. Satu sesi perbincangan meja bulat AJK pihak UiTM dan TNTEU telah diadakan di penghujung hari kedua persidangan bagi membincangkan perjalanan keseluruhan program bermula daripada perancangan hingga ke pelaksanaan program. Pengamatan penting telah di rekod oleh pihak pengurusan bagi memastikan penambahbaikan berterusan dalam penganjuran persidangan di masa hadapan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 18**) Sesi Perbincangan Meja Bulat ICMRD-2023.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_EDU\\_6.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20242\\_EDU\\_6.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20243\\_EDU\\_6.4.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kelestarian proses operasi dalam tumpuan pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pendidikan dimanfaatkan untuk memastikan pembangunan akademik yang berkualiti di UiTM serta mempersiapkan **Guru Malaysia** dengan lebih baik untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan negara. Melalui tiga teras inisiatif yang dipilih, tahap pembudayaan dua inisiatif diperhalusi dengan ketara, iaitu inisiatif **MARK** dan **inisiatif ICMRD-2023**.

Penemuan yang diperolehi daripada inisiatif **MARK** telah diintegrasikan sepenuhnya ke dalam rangka kerja perancangan acara Fakulti Pendidikan untuk inisiatif masa hadapan. Pembelajaran khusus yang dicapai dari inisiatif ini didokumentasikan dengan rapi dan dikongsi secara meluas dengan semua pihak berkepentingan bagi memastikan penambahbaikan berterusan dapat dicapai (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 19**) Minit Mesyuarat Projek MARK. Sebagai contoh, melalui pelaksanaan inisiatif MARK, pembudayaan kerja telah memperlihatkan kepentingan konsep multidisiplin dalam pengembangan bakat dan peningkatan profesionalisme di kalangan pensyarah. Projek ini juga berjaya mengembangkan pelbagai teknik pembelajaran Matematik serta reka bentuk pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi terkini dan pengurusan pembelajaran dalam talian. Komitmen Fakulti Pendidikan untuk terus mengaplikasikan penemuan dan pembelajaran ini kepada acara masa depan adalah penting bagi memastikan ia sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pendidik dan pelajar yang semakin berkembang (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 20**) Laporan Akhir Projek MARK.

Di samping itu, inisiatif **persidangan ICMRD-2023** juga membawa kepada penemuan berharga yang telah digunakan untuk memperhalusi proses perancangan program persidangan seterusnya. Sebagai contoh, peningkatan dan penambahbaikan telah dilakukan pada penjadualan sesi pembentangan serta perluasan julat topik yang dibincangkan. Ini memastikan persidangan yang akan datang lebih inklusif dan menyeluruh, mencerminkan perkembangan terkini dalam bidang pendidikan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 21**) Laporan Akhir ICMRD-2023. Pembudayaan ini memperlihatkan keupayaan FPend dalam berinovasi dan menyesuaikan proses operasi untuk memenuhi keperluan masa depan, sekaligus menunjukkan komitmen fakulti dalam penambahbaikan berterusan.

Melalui pelaksanaan dan pembudayaan kedua-dua inisiatif ini, Fakulti Pendidikan bukan sahaja memperkukuhkan kualiti akademik; pengajaran dan pembelajaran tetapi juga memperlihatkan keupayaan fakulti dalam **menerapkan inovasi** dan penambahbaikan berterusan dalam proses perancangan dan pelaksanaan acara-acara masa depan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0034\\_O01\\_OB05\\_20241\\_EDU\\_6.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034\\_O01\\_OB05\\_20242\\_EDU\\_6.5 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034\\_O01\\_OB05\\_20243\\_EDU\\_6.5 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### **"Kemampuan Institusi dan Kesarjanaan Kepakaran" (Hasil Pelaksanaan Strategik)**

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelaporan hasil utama 1 ini adalah memfokuskan kepada hasil daripada pencapaian PI melalui projek – projek yang telah dirancang di dalam pelan perancangan strategik Fakulti Pendidikan (FPEND) pada tahun 2023. Dengan tajuk '**Kemampuan Institusi dan Kesarjanaan Kepakaran**', pelaporan hasil bagi pelaksanaan strategik ini adalah selari dengan **tiga projek utama FPEND iaitu EDU Whiz** (aktiviti melibatkan penerbitan, perundingan dan pakar rujuk), **EDU Rich** (aktiviti melibatkan penglibatan komuniti, rakan strategik, pembangunan modal insan, dan pengajaran) dan juga **EDU Strike** (aktiviti melibatkan perjanjian kerjasama melalui MoU dan MoA). Bagi memperlihatkan hasil pelaksanaan strategik FPEND yang lebih jelas, **analisis terhadap pencapaian 71 PI yang diperturunkan pada tahun 2023 dibincangkan** secara umum serta pencapaian PI yang cemerlang sehingga yang kurang memuaskan turut dilaporkan. Secara keseluruhannya, **hasil tumpuan kepada pelaksanaan strategik meletakkan FPEND pada tahap yang cemerlang pada tahun 2023** dengan peratus pencapaian PI keseluruhan adalah 85.2 peratus. Pencapaian tersebut juga turut **dikaitkan dengan perancangan strategik** yang melibatkan aspek seperti perancangan, pelaksanaan, pemantauan projek serta pelan mitigasi bagi mengurangkan risiko kegagalan. Fokus utama diberikan kepada **52 PI FPEND yang cemerlang** berdasarkan data pencapaian dari pelaporan BTU. Antaranya **PI yang melibatkan penglibatan pelajar dan ahli akademik di peringkat antarabangsa seperti program outbound, sukarelawan, SULAM, persidangan, syarahan tamu, perjanjian kerjasama MoU serta aktiviti inbound pelajar antarabangsa di FPEND**. Selain itu, hasil pencapaian **PI bagi geran penyelidikan serta impaknya terhadap pencapaian PI penerbitan** melalui inisiatif FPEND turut dibincangkan. **Tren bagi hasil yang dipilih** turut dibentangkan bagi **menunjukkan pencapaian bermula dari 2020 serta peningkatan positif yang diperoleh oleh FPEND dari tahun 2022 ke 2023**. Perbandingan pencapaian hasil FPEND dibuat **berpandukan pelaporan BTU dan berdasarkan hasil pencapaian keseluruhan PI, pelan tindakan strategik (SAP) serta pencapaian PI lain yang berkaitan seperti penerbitan dan PI di bawah portfolio TNC HEP**. Perbandingan pencapaian di antara **FPEND dengan institusi pendidikan terkenal seperti UPSI (Malaysia) dan UPI (Indonesia) turut dilaporkan** bagi mengukur aspek kekuatan dan penambahbaikan yang boleh dibuat. Data bagi menyokong perbincangan dan pelaporan hasil adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh dari pembentangan BTU serta serta dokumen – dokumen sokongan melalui rekod FPEND. Pengiktirafan yang diterima semasa Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU2023) turut digunakan sebagai sandaran bagi mengukuhkan hasil pencapaian yang dilaporkan. Akhir sekali, **kepentingan hasil pencapaian pelaksanaan strategik dikaitkan dengan kemampuan FPEND sebagai sebuah institusi pelopor dalam bidang pengajaran dan pembelajaran** dan bagaimana ianya menyumbang kepada **peningkatan kesarjanaan kepakaran ahli akademik FPEND**. Hasil dan inisiatif yang dilaporkan juga turut **dikaitkan kepada usaha FPEND dalam menyokong matlamat GRU2025 UiTM** untuk menjadi sebuah institusi yang terkemuka di pentas global.

##### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0034\\_HB02\\_20241\\_EDU\\_HASIL\\_1\\_7.1.2.pdf](#)

##### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0034\\_HB03\\_20242\\_EDU\\_HASIL\\_1\\_7.1.3.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0034\\_HB04\\_20243\\_EDU\\_HASIL 1\\_7.1.4.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0034\\_HB05\\_20244\\_EDU\\_HASIL 1\\_7.1.5.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **Hasil Kebolehpasaran Modal Insan Berkualiti**

##### **(Hasil Tumpuan Pelanggan)**

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan telah membuktikan **kecemerlangan** dalam kebolehpasaran graduannya (**Level**). Pada tahun 2022, fakulti ini menerima penarafan **5 bintang** dalam penilaian kebolehpasaran oleh Talentbank, melebihi matlamat untuk mengekalkan pencapaian terdahulu dengan mencapai penarafan **6 bintang (Trend)**. Penilaian bebas ini menekankan kejayaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran fakulti yang menyeluruh dan berkesan, terutamanya melalui inisiatif pembelajaran pengalaman. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, program-program seperti **artSMart** dan **Math Academy** telah menunjukkan peningkatan signifikan dalam penglibatan pelajar dan komuniti. Program **artSMart**, yang memasuki siri ke-8 pada tahun 2023, berjaya melibatkan komuniti tempatan dan antarabangsa, termasuk kumpulan orang asli di Pahang dan penduduk di Indonesia (**Comparison**). Program ini bukan sahaja menyediakan platform untuk pelajar mempamerkan kreativiti mereka tetapi juga memupuk hubungan yang lebih baik antara pelajar dan komuniti yang pelbagai latar belakang. Begitu juga, **Math Academy** telah melampaui jangkauan dengan menarik lebih ramai fasilitator pelajar dan peserta sekolah daripada sasaran asal (**Comparison**). Kejayaan ini mencerminkan pertumbuhan berterusan dalam minat dan penyertaan dalam pembelajaran matematik, menunjukkan bahawa pendekatan yang diterapkan dalam program ini sangat efektif dan relevan. Program-program ini menyokong penglibatan yang aktif dan berbentuk multidimensi dalam pendidikan, yang mana berbeza daripada pendekatan pengajaran tradisional yang sering kali lebih fokus kepada teori dan bilik darjah sahaja (**Trend**). Kedua-dua program ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami situasi dunia sebenar dan berinteraksi dengan masyarakat luar, memberikan pendedahan yang luas dan pengalaman yang tidak ternilai dalam konteks pembelajaran mereka (**Level**). Selain itu, kejayaan dalam penglibatan komuniti melalui program **artSMart** dan **Math Academy** telah meningkatkan **kemahiran insaniah** pelajar, memperkasa mereka dengan kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerjasama yang penting dalam dunia profesional (**Comparison**). Berbanding dengan program-program lain yang mungkin lebih tertumpu pada pengajaran teori, pendekatan praktikal yang diambil oleh **artSMart** dan **Math Academy** membolehkan pelajar untuk mendapatkan pengalaman langsung dan meningkatkan kebolehan mereka dalam konteks sebenar. **Kepentingan** program-program seperti **artSMart** dan **Math Academy** dalam konteks pembangunan holistik pelajar Fakulti Pendidikan adalah sangat besar (**Important**). Program-program ini tidak hanya mempersiapkan pelajar untuk cabaran akademik tetapi juga melengkapkan mereka dengan kemahiran insaniah yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia kerja yang kompetitif. Dengan melibatkan pelajar dalam aktiviti yang memberi impak kepada komuniti tempatan dan antarabangsa, fakulti ini bukan sahaja menghasilkan graduan yang **berdaya saing** tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Ini seiring dengan aspirasi fakulti untuk terus menyokong dan memperluas inisiatif ini demi memastikan setiap pelajar mendapat peluang terbaik untuk berkembang secara menyeluruh. Penekanan pada pembelajaran berasaskan pengalaman dan penglibatan masyarakat ini adalah kunci kepada kejayaan pelajar dan graduan dalam menghadapi cabaran masa depan.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0034\\_HB02\\_20241\\_EDU\\_HASIL 2\\_7.2.2.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0034\\_HB03\\_20242\\_EDU\\_HASIL 2\\_7.2.3.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0034\\_HB04\\_20243\\_EDU\\_HASIL 2\\_7.2.4.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0034\\_HB05\\_20244\\_EDU\\_HASIL 2\\_7.2.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **"Inisiatif Berimpak Memacu Ekonomi" (Hasil dari Prestasi Keuangan)**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pendidikan sentiasa membudayakan penganjuran program berimpak di kalangan warga Fakulti. Keseluruhan program yang berteraskan akademik merupakan kerjasama antara pelajar, staf, dan / atau komuniti. Sasaran Fakulti Pendidikan dalam program berimpak telah berjaya menjanakan pendapatan melebihi daripada sasaran pada tahun 2023. Secara keseluruhannya, Fakulti Pendidikan telah berjaya menjana sumbangan dan pendapatan sebanyak **RM 393,276.97 sepanjang tahun 2023** daripada program yang dianjurkan. Dengan memilih tajuk 'Inisiatif Berimpak, Memacu Ekonomi', pelaporan hasil dari prestasi kewangan bagi Fakulti Pendidikan memfokuskan kepada penjanaan pendapatan yang diperoleh daripada penganjuran program berimpak. Sepanjang tahun 2023, pelbagai program telah dijalankan dengan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan serta rakan industri FPEND. Bagi memperincikan hasil dari prestasi kewangan, fokus pelaporan diberikan kepada tiga aspek utama iaitu: **(1) Kolaborasi Industri dan Masyarakat; (2) Pembelajaran Berasaskan Pengalaman; (3) Kelestarian Ilmu dan Modal Insan (Inisiatif Penerbitan, Persidangan dan Pertandingan – I-3P)**. Permulaan pelaporan hasil ketiga ini dimulakan dengan tahap pencapaian prestasi kewangan FPEND pada tahun 2023 yang menunjukkan kecemerlangan dengan jumlah penjanaan pendapatan melebihi sasaran yang diletakkan iaitu sebanyak **RM300,000**. Perincian tahap bagi ketiga – tiga hasil utama seperti **Mathematics for Rural Kids (MARK), Math Academy, serta Inisiatif 3P** dilaporkan dan setiap satunya berada **pada tahap yang sangat baik**. Tren bagi penjanaan pendapatan dilaporkan menggunakan data BTU yang menunjukkan peningkatan yang sangat baik dari aspek jumlah kutipan kewangan pada tahun 2023 berbanding 2022. **Tren pendanaan projek MARK oleh Maybank Foundation, penyertaan peserta dan fasilitator Math Academy serta jumlah kutipan keuntungan dari aktiviti 3P** pada tahun 2023 dan 2022 turut dinyatakan. **Perbandingan antara hasil penjanaan pendapatan dibuat di antara FPEND dengan Kolej Pengajian/Fakulti di UiTM** serta hasil utama berkaitan **dibandingkan dengan projek berkaitan** bagi melihat tahap pencapaian FPEND. Kepentingan hasil prestasi kewangan diperincikan pada bahagian akhir bagi menekankan **hasil prestasi kewangan yang baik sebagai wadah yang melonjak kepakaran pensyarah, memberi sumbangan kepada komuniti dan meningkatkan reputasi FPEND** di kalangan masyarakat dan industry **selari dengan matlamat GRU2025** dan tema marketable pada tahun 2025 dalam memacu usaha UiTM ke pentas antarabangsa

##### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0034\\_HB02\\_20241\\_EDU\\_HASIL 3\\_7.3.2.pdf](#)

##### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0034\\_HB03\\_20242\\_EDU\\_HASIL 3\\_7.3.3.pdf](#)

##### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0034\\_HB04\\_20243\\_EDU\\_HASIL 3\\_7.3.4.pdf](#)

##### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0034\\_HB05\\_20244\\_EDU\\_HASIL 3\\_7.3.5.pdf](#)